



# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

**Datuk James Willie [Ruangan 897]**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

**Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 897]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PETANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 897]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 941]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 993]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N, J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P.  
(Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,  
K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N.,  
S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.  
(Pahang).
- „ DATUK HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI  
MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA  
(Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,  
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,  
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,  
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.  
(Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Rabu, 22hb April, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

### MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Datuk James Willie.

### PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

#### Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

#### KEMPEN PROPAGANDA KOMUNIS DI AUSTRALIA

1. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang diambil untuk membasmi kempen propaganda komunis di Australia menggunakan pelajar-pelajar kita menentang Malaysia dengan cara siaran Radio CR3 Melbourne bernama "Suara Malaya" yang mendorong matlamat Parti Komunis Malaya dan menyokong "Suara Revolusi

Malaya", dan dengan cara penerbitan bernama "Berita Malaya" yang menggambarkan aktiviti-aktiviti Parti Komunis Malaya yang bertentangan dengan hasrat Kerajaan Malaysia.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra telah meminta jasa baik Kerajaan Australia untuk menahankan siaran-siaran yang berupa propaganda-propaganda komunis terhadap Malaysia itu, akan tetapi oleh kerana Kerajaan Australia mengamalkan dasar kebebasan bercakap (freedom of speech), maka dalam perkara ini, ia tidak dapat berbuat apa-apa. Sungguhpun begitu, pihak Suruhanjaya Tinggi kita telah dan sentiasa memberi maklumat-maklumat bagi mematah dan membetulkan kandungan siaran-siaran radio itu dengan cara mengadakan ceramah-ceramah di antara pegawai-pegawai Kedutaan dan Konsulate dengan penuntut-penuntut. Di samping itu, kita juga memberi maklumat tentang keadaan yang sebenarnya berlaku di tanahair kita dengan mengirinkan penerbitan-penerbitan seperti Malaysian Digest, akhbar-akhbar Malaysia seperti Straits Times, Utusan Malaysia dan lain-lain penerbitan bagi membasmi kempen propaganda komunis di Australia yang memperalatkan segelintir pelajar-pelajar kita.

Kajian kita menunjukkan bahawa, tujuan sebenarnya mereka berbuat demikian, ialah untuk mendapat simpati daripada orang-orang Australia dan memberi peluang kepada mereka, untuk membolehkan mereka bermastautin di Australia (permañent resident). Oleh kerana ini melibatkan sebilangan kecil daripada pelajar-pelajar kita maka kita tidak harus terlalu kluatir; walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa

mengawasi dan meneliti aktiviti-aktiviti mereka. Sebilangan besar pelajar-pelajar kita di Australia tidak menimbulkan apa-apa masalah selain dari soal-soal pentadbiran yang mana ianya dapat diuruskan.

**Puan Rahmah binti Othman:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan. Tadi ada Yang Berhormat meyebutkan kita tidak harus khuatir kepada sebilangan kecil pelajar-pelajar kita di Australia yang bersikap demikian. Tetapi kita mesti juga faham bahawa perkara yang kecil-kecil inilah akan menjadi besar dan orang-orang ini kalau kita dapat bermastautin di Australia dia akan balik ke negara kita ini dan oleh kerana sudah menjadi amalan bagi dia freedom of speech di Australia itu, dia akan cuba pula freedom of speech itu di Malaysia ini yang boleh mempengaruhi rakyat negara ini.

Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apakah tindakan Kerajaan kepada pelajar-pelajar kita yang ada di Australia itu apakala mereka balik ke negeri ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, benarlah saya menggunakan tidak harus terlalu khuatir. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengawasi sebagaimana saya sebutkan tadi keadaan dan aktiviti-aktiviti penuntut-penuntut kita di sana supaya perkara-perkara ini tidak merebak dan tidak akan berjangkit balik jikalau mereka itu pulang ke negara kita Malaysia. Sebab itulah saya suka menyatakan iaitu pihak yang berkenaan sama juga di negara kita Malaysia ini dan juga di Canberra, Pesuruhjaya Tinggi kita di sana berwaspada di atas aktiviti-aktiviti students ini dan kita akan bertindak sewajarnya jikalau perkara ini akan menjejaskan keselamatan dan juga keadaan-keadaan yang boleh memberikan keburukan kepada negara kita semoga mereka itu kembali ke negara kita Malaysia ini.

**Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengenai dengan pendirian Kerajaan kita terhadap Kerajaan Australia yang mana seringkali bertelingkah mengenai dasar luar Australia yang tidak begitu sefahaman dengan

negara-negara ASEAN, begitulah juga pendirian mengenai dengan Vietnam dan juga menyediakan tempat bagi mereka yang melancarkan propaganda anti-Malaysia. Jadi apakah pandangan kita terhadap Kerajaan Australia yang tidak begitu friendly?

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan sungguhpun ada isu-isu yang tidak sama pandangan di antara Malaysia dengan Australia dan tidak ada persefahaman, kita telahpun menerangkan sebab-sebab ini dan mereka pun menerangkan sebab-sebab pendirian mereka itu dan kita sentiasa tegur. Tetapi saya sukalah menyatakan di Dewan yang mulia ini di atas isu-isu seperti Vietnam atau Kampuchea itu kita ada perbincangan, perhubungan dan konsultasi untuk menyelaraskan kedudukan kenapa Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain membuat pendirian begitu dan kita telah menjelaskan dengan harapan dengan adanya konsultasi itu mereka akan memahami dengan sebenarnya kaedah-kaedah pendirian Malaysia. Kita sentiasa memberi penjelasan dan kita harap pihak Australia akan memahami kedudukan ini supaya mereka ini bertindak sewajarnya demi kepentingan Malaysia khususnya dan amnya ASEAN.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengenai Suara Revolusi Malaysia. Sebagaimana kita tahu satu datang dari Australia dan kita tahu juga bukan sahaja mereka menyuarakan pro-komunis tetapi mereka juga menunjukkan bukti penentangan kepada pemimpin kita ketika datang melawat Australia dahulu iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri kita Dato' Hussein Onn juga. Maknanya ini bukan satu perkara kecil tetapi gejala buruk yang dilakukan khasnya oleh penuntut-penuntut kita Malaysia di Australia. Saya hendak bertanya adakah di negara lain, sebagaimana difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bukan di Australia sahaja ada Suara Revolusi itu, adakah daripada negeri lain juga yang membuat Suara Revolusi macam itu yang memburukkan negara dan pemimpin negara kita? Bolehkah Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri menyatakan selain daripada Australia negeri-negeri manakah yang berbuat begitu, sebab

gejala macam itu membahayakan kita dan secara tidak langsung nama Malaysia tergugat dengan nama buruk yang begitu?

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, "Suara Malaya" dan "Suara Revolusi Malaya" itu adalah berlainan di mana "Suara Malaya" yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalan pertama ini adalah seperti mana yang disebutkan datangnya dari Australia dan Suara Revolusi Malaya ini adalah suara yang mana kita sentiasa mendengar, tetapi kita tak dapat ketahui tepat di manakah tempatnya perkara itu. Walau bagaimanapun, ada fahaman-fahaman yang perlu kita membawakan dan telahpun kita membawakan perkara ini untuk mendapat kerjasama yang rapat daripada negara yang berkenaan dan kita telah menekankan perlunya diatasi, sebab itulah saya rasa Kerajaan kita sentiasa mengambil tindakan waspada akibat di atas suara-suara anti-Malaysia yang tidak memberi faedah kepada kita ini, kita akan kemukakan kepada pihak yang berkenaan.

### PENYELUDUPAN PADI

**2. Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penyeludupan padi dari Thailand ke Malaysia, khususnya ke Pulau Langkawi semakin menjadi-jadi dan pembeli-pembeli padi seludup itu pula dikatakan dapat menuntut bayaran subsidi dari LPN dan jika sedar nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, LPN secara bersendirian atau dengan kerjasama lain-lain pihak berkuasa keselamatan sentiasa berusaha mengatasi masalah penyeludupan padi dari Thailand.

Adalah tidak di luar jangkaan bahawa kegiatan penyeludupan akan bertambah berikutan dari langkah Kerajaan membayar subsidi harga padi yang tinggi kepada petani-petani di negeri ini. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan bagi mencegah penyeludupan padi pada keseluruhannya ialah:

- (i) Pegawai-pegawai penguatkuasa LPN di Kedah/Perlis dan Kelantan telah diarahkan untuk mempergiatkan lagi aktiviti mencegah penyeludupan padi. Aktiviti itu termasuk rondaan di kawasan-kawasan yang diketahui sebagai kawasan penyeludupan dan membuat serang hendap di tempat-tempat yang tertentu.
- (ii) Pemeriksaan terhadap kilang-kilang swasta dan stor pelesen-pelesen padi yang berhampiran dengan sempadan dan pantai-pantai telah dipergiatkan lagi. Dengan pemeriksaan ini, Pegawai-pegawai Penguatkuasa dapat memastikan sama ada pengilang atau pembeli padi itu telah membeli padi seperti biasa berdasarkan jumlah beliannya. Jika didapati beliannya bertambah dengan kadar yang tidak menasabah, pegawai-pegawai LPN akan menjalankan penyiasatan lanjut untuk mendapatkan punca padi itu.
- (iii) Jika ada rekod-rekod yang menunjukkan seseorang petani telah menjual padinya di beberapa tempat atau menjual dengan keadaan yang dicurigai, petani itu akan disiasat untuk menentukan sama ada padi yang dijual oleh petani itu adalah padi tempatan atau sebaliknya.
- (iv) LPN telah meminta Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di Kedah/Perlis dan Kelantan untuk mengawasi penyeludupan padi dari Negeri Thai terutama selepas kenaikan bantuan subsidi ini. Kerjasama dari UPP ini sedang berjalan dengan baiknyanya.
- (v) LPN juga mendapatkan kerjasama Pasukan Kawalan Keselamatan Tempatan (LDC) untuk mengawasi sebarang pemindahan padi di sekatan-sekatan jalanraya yang dikendalikan oleh anggota-anggotanya di Kedah/Perlis dan Kelantan. Bagi Kedah/Perlis sekatan-sekatan jalanraya ialah di Sanglang dan Kodiang dan bagi Negeri Kelantan pula, ialah di Bukit Lata, Pasir Pekan dan Chabang Tiga Kemunting, Pasir Puteh. Sekatan jalanraya ini berjalan terus menerus

24 jam. Pihak LDC telah diminta untuk mengawasi jika ada kedatangan pemindahan padi melalui sekatan-sekatan jalanraya itu yang jumlahnya dianggap besar dan jika disyaki padi itu telah diseludup masuk dari Negeri Thai pihak LPN akan membuat penyiasatan lanjut.

Mengenai penyeludupan padi dari Thailand ke Malaysia melalui Pulau Langkawi, perkara ini adalah dalam perhatian pihak Kerajaan. Pegawai-pegawai Penguatkuasa LPN telah ditempatkan di Pulau Langkawi untuk membuat rondaan bersama-sama pasukan Polis di kawasan pantai yang disyaki boleh berlaku kegiatan penyeludupan padi.

Pihak Polis Laut, Kastam dan anggota pasukan RELA yang membuat rondaan di persiaran pantai juga telah diminta untuk memberikan kerjasama mengesan sebarang kegiatan penyeludupan padi sekiranya berlaku.

Sementara itu, pihak LPN pula menjalankan pemeriksaan ke atas pelesen-pelesen membeli padi untuk memastikan jumlah padi yang mereka beli daripada petani-petani dan LPN tidak melebihi pengeluaran hasil padi di Pulau Langkawi.

Dari tindakan-tindakan di atas, di antara bulan Disember, 1980 hingga Mac, 1981 dua rampasan padi yang telah diseludupkan telah dibuat di Kuala Perlis dan Tumpat berjumlah 395 pikul. Setakat ini belum ada tangkapan atau rampasan dibuat di Langkawi.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Terima kasih di atas tindakan yang begitu cergas oleh pihak Kementerian berkenaan. Saya ingin bertanya berkenaan dengan rampasan-rampasan itu supaya perkara ini berkesan betul, apakah yang dibuat dengan rampasan itu? Adakah padi yang dirampas daripada penyeludup itu dijual atau bagaimanakah cara yang dibuat?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apabila rampasan-rampasan itu diikuti dengan tangkapan orang-orang yang berkaitan maka perkara ini adalah dibawa ke mahkamah mengikut peraturan-peraturan yang ada sekarang dan ianya biasa akan menjadi sebahagian daripada bukti kes itu.

### PERBINCANGAN MENTERI LUAR MALAYSIA/VIETNAM—HASILNYA

3. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil pertemuan beliau dengan Menteri Luar Vietnam Nguyen Co Thach di New Delhi semasa Persidangan Negara-negara Berkecuali di New Delhi baru-baru ini dan nyatakan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dalam persidangan itu.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Aj-haj:** Tuan Yang di-Pertua, perbincangan saya dengan Menteri Luar Negeri Vietnam, Nguyen Co Thach semasa Persidangan Negara-negara Berkecuali di New Delhi merupakan sebahagian dari dialog-dialog dan konsultasi dua hala (bilateral consultation) di antara negara-negara anggota ASEAN dan negara-negara Vietnam dan Laos.

Di perjumpaan tersebut saya telahpun menekankan kepada Menteri Luar Negeri Vietnam itu bahawa Malaysia dan ASEAN telahpun terikat kepada Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu No. 35/6 mengenai keadaan di Kampuchea. Vietnam pula hendaklah menunjukkan kejujurannya dengan mengundurkan tentera-tentera Vietnam dari Kampuchea dan rakyat Kampuchea hendaklah diberi peluang menentukan masa depan mereka sendiri tanpa gangguan dari luar. Menteri Luar Negeri Vietnam itu sebaliknya telah menimbulkan semula cadangan yang telah dikemukakan oleh Vietnam, Laos dan Regim Heng Samrin di Persidangan mereka di peringkat Menteri-menteri Luar Negeri yang telah diadakan di bandaraya Ho Chi Minh pada bulan Januari, 1981 yang mana ia menyeru supaya satu persidangan serantau (regional conference) diadakan dan satu perjanjian keamanan dan kestabilan ditandatangani oleh ASEAN dan negara-negara Indochina. Saya sekali lagi telah menekankan kepada beliau bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang dicadangkan oleh Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu No. 35/6 ialah forum yang paling sesuai untuk menyelesaikan masalah Kampuchea ini.

Menyentuh keputusan Persidangan Negara-negara Berkecuali yang telah diadakan di New Delhi suka saya menyatakan di sini bahawa Malaysia berpuas hati dengan

keputusan persidangan tersebut yang membuktikan persidangan tersebut telah mencapai semula kredibilitinya. Ini terbukti dari Perisytiharan Akhir yang telah dikeluarkan oleh persidangan tersebut, yang antara lain telah menyeru supaya tentera-tentera asing di Kampuchea diundurkan. Rakyat Kampuchea hendaklah diberi peluang menentukan masa depan mereka sendiri di samping dasar menghormati kedaulatan (sovereignty) dan tidak mencampurtangan di dalam hal ehwal dalam negeri satu-satu negara itu hendaklah dipatuhi.

Perisytiharan Akhir ini dari pertubuhan itu juga telah mengakui akan kepentingan untuk mengundurkan ketegangan (tension) di Asia Tenggara ini melalui satu penyelesaian politik yang lengkap yang mana antara lain mengandungi perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

**Tuan K. Kumaran:** Soalan tambahan. Memandangkan situasi politik di rantau ini, adakah Kerajaan akan mencadangkan kepada negara-negara ASEAN untuk menubuhkan ataupun mengadakan satu pakatan tentera untuk menjamin keselamatan negara-negara ASEAN ini?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana sering dikatakan tidak ada cadangan langsung seperti itu bagi pihak negara ASEAN. Sungguhpun situasi politik di rantau ini begitu tegang, rasa saya tidaklah pada masa sekarang ini ada keputusan dan tidak akan menjadikan Asean ini satu pakatan tentera atau pakatan keselamatan pada masa-masa yang akan datang.

## LALULINTAS DI FEDERAL HIGHWAY

**4. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan menggunakan sistem di mana suatu konsortium seberang-laut sama ada bersendirian atau berusaha sama dengan pihak tempatan untuk membina dan menjalankan sistem pengangkutan besar-besaran di Lembah Kelang dan diberi hak-hak untuk mengutip hasil bagi mendapat balik kos dan seterusnya bagi satu tempoh.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan

Persekutuan sedar bahawa Federal Highway yang menghubungkan ibu kota Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Kelang ialah Jalan Besar Persekutuan yang paling sibuk sekali di seluruh Malaysia dan mengikut ramalan lalulintas di sana akan menjadi lebih berat pada tahun-tahun depan. Ini adalah disebabkan penggunaan jalan ini oleh lalulintas Pelabuhan Kelang dan lalulintas Lapanganterbang Antarabangsa Subang selain daripada lalulintas biasa. Atas kesedaran ini, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memperbaiki sistem jalan di Lembah Kelang (the Kelang Valley):

- (i) Satu North Kelang Straits By-pass yang menghubungkan North Port di Pelabuhan Kelang dengan Federal Highway sedang dalam pembinaan, panjangnya 9.5 batu. Dengan adanya By-pass ini lori-lori kontena dan kenderaan-kenderaan yang lain dapat masuk keluar North Port di Pelabuhan Kelang dengan tidak perlu melalui Pekan Port Kelang.
- (ii) Di Petaling Jaya pula 4 jejambat (fly-overs) akan dibina di simpang-simpang jalan yang sekarang menjadi 'bottle neck' lalulintas. Jejambat akan dibina di simpang-simpang Jalan Barat, Jalan Templer, Jalan SS8/1 dan Jalan Kelang Lama. Kerja telahpun bermula pada bulan Januari, 1981. Dengan adanya jejambat-jejambat ini kenderaan dari Kuala Lumpur boleh berjalan ke Subang atau Kelang tanpa berhenti di simpang-simpang lampu isyarat. Di samping itu, jalan dari Jalan Barat interchange ke Jalan Lapanganterbang Subang junction akan diluaskan sehingga 6 lorong sepanjang 6 batu dengan tambahnya lorong basikal.
- (iii) Lembaga Lebuhraya Malaysia juga akan membina satu Lebuhraya baru iaitu "the Kelang Valley Express Way", dari North Kelang By-pass sehingga Jalan Duta, Kuala Lumpur, panjangnya 24 batu. Lebuhraya ini akan dikenakan toll.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin dengan adanya pembinaan jalan yang besar dan tambahan capacity yang besar sistem

lalulintas di Lembah Klang akan bertambah baik.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab iaitu satu jejambat sedang dibina di Federal Highway sekarang di simpang Jalan Templer. Memandangkan keadaan sedang dibina sekarang kenderaan terlampau sesak, oleh itu saya ingin bertanya berapa lamakah pembinaan ini akan memakan masa?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan cuma menjaga lalulintas, pembinaan jalan ini di bawah kawalan Kementerian Kerjaraya dan makluman-makluman yang saya berikan tadi telah didapati daripada Kementerian Kerjaraya. Walau bagaimanapun saya boleh memanjangkan soalan itu kepada Kementerian yang berkenaan.

#### LEBUHRAYA PERSEKUTUAN MELALUI MELAKA

**5. Tuan Loh Kee Peng** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah kerja pembinaan Lebuhraya Persekutuan yang akan melalui Negeri Melaka yang telah dirancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-4 akan dimulakan dan bilakah projek ini dijangka siap.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Yang di-Pertua, menurut jadualnya kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Persekutuan yang akan melalui negeri Melaka yang telah dirancangan di bawah Rancangan Malaysia Keempat itu akan dimulakan pada awal tahun 1983 dan dijangka siap dalam masa tiga tahun.

#### NELAYAN PANTAI TIMUR DIANCAM OLEH NELAYAN LUAR

**6. Tuan Haji Tuan Ya'acob bin Haji Engku Yunus** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar nelayan khususnya di Pantai Timur selalu diancam oleh nelayan-nelayan luar dan lanun yang bermaharajalela;

dan jika sedar, apakah tindakan yang akan beliau ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar bahawa nelayan-nelayan khususnya di Pantai Timur selalu diancam oleh nelayan-nelayan luar. Mengenai ancaman oleh lanun pula, perkara ini tidak berlaku di Pantai Timur Semenanjung tetapi berlaku di Pantai Barat terutama di perairan Pulau Langkawi.

Tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (1) Jabatan Perikanan sudahpun mewujudkan satu sistem perhubungan melalui radio wireless yang dilengkapi di atas bot-bot ronda dan di Kawalan Operasi di peringkat negeri supaya perhubungan boleh dibuat dengan Pusat Kawalan Operasi di Ibupejabat Perikanan, Kuala Lumpur. Semua aduan-aduan yang diterima oleh Pusat Kawalan Operasi akan dilaporkan dengan segera ke Bilik-bilik Gerakan, Ibupejabat Polis Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia yang mana akan menghubungi bot-bot ronda di kawasan-kawasan berkenaan untuk tindakan selanjutnya.
- (2) Satu Rang Undang-undang sedang digubal yang mana akan memberi kuasa kepada agensi-agensi penguatkuasaan untuk membuat penangkapan ke atas pengancam-pengancam tersebut di perairan Zone Exclusive Economy.
- (3) Kementerian Pertanian juga bercadang untuk melengkapkan radio wireless ke atas bot-bot nelayan yang menangkap ikan secara kumpulan.
- (4) Kementerian ini juga sedang berunding dengan Polis Laut, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia untuk membenarkan nelayan-nelayan menyertai gerakan-gerakan rondaan yang dijalankan untuk melindungi kawasan dan nelayan-nelayan semasa menangkap ikan dan menyedarkan nelayan-nelayan

mengenai masalah-masalah yang dihadapinya. Di pihak nelayan-nelayan pula mereka boleh membantu agensi-agensi penguatkuasa mengenai kawasan-kawasan yang kerap kali dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing dan mengganggu kegiatan nelayan tempatan.

Berkenaan dengan lanun pula, memandangkan bahawa soal ini adalah soal keselamatan, maka agensi-agensi seperti Polis Laut Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia telah dan akan mengambil tindakan.

### TENAGA PEKERJA DALAM PERLAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

7. **Tuan Tan Chang Soon** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mendapatkan tenaga rakyat yang cukup untuk Rancangan Malaysia Keempat.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat akan bergantung bukan sahaja kepada bekalan tenaga pekerja yang cukup tetapi juga kualiti atau mutunya. Kerajaan, seperti juga di dalam rancangan-rancangan pembangunan sebelumnya, mengakui hakikat ini dan telah memberi keutamaan yang tinggi dan usaha-usaha mengeluarkan serta membekalkan tenaga kerja yang mempunyai latihan ikhtisas dan kemahiran di semua peringkat. Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam latihan-latihan tenaga kerja, adalah diselaraskan untuk menentukan pengeluaran serta bekalan tenaga kerja terlatih yang berterusan bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat.

Kementerian saya bersama-sama dengan lain-lain Kementerian seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dan agensi-agensi seperti MARA adalah diberi tanggungjawab untuk membekalkan pekerja-pekerja terlatih bagi keperluan rancangan pembangunan negara kita. Dua

buah Institut Latihan Perindustrian yang ada sekarang akan diperbesarkan lagi dan peruntukan telahpun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk membina lapan buah lagi Institut Latihan yang sedemikian. Di samping itu pula Badan-badan Latihan yang saya sebutkan tadi juga akan melipatgandakan usaha-usaha mereka dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Di samping itu, rancangan untuk menggalakkan sektor swasta meningkatkan latihan bagi kakitangan mereka sendiri akan juga dijalankan, untuk menambah usaha Kerajaan dalam perkara ini.

### RTM—PELUANG BAGI ARTIS-ARTIS TEMPATAN

8. **Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau akan memberi lebih banyak peluang dan masa di Radio dan Televisyen Malaysia bagi artis-artis tempatan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, Radio dan Televisyen Malaysia sentiasa memberi peluang yang seluas-luasnya kepada artis-artis tempatan. Peluang-peluang ini akan diperluaskan lagi dari semasa ke semasa dengan penambahan daya penerbitan rancangan-rancangan tempatan, peningkatan bakat-bakat baru serta peningkatan bakat-bakat artis-artis yang sedia ada.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Penerangan iaitu rancangan Dendang Rakyat yang biasanya disiarkan itu adalah rancangan daripada Pulau Pinang. Apakah sebab-sebabnya artis-artis di Pulau Pinang itu termasuk artis pondan? Tiap-tiap kali kalau rancangan Boria dan sebagainya mesti disertai oleh pondan, tidak ada artis-artis perempuan yang diambil mengambil bahagian di dalam rancangan Boria itu (*Ketawa*).

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan yang tepat saya pun tidak tahu (*Ketawa*). Barangkali dalam negara kita masih ada pondan (*Ketawa*).

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai memberi peluang yang luas kepada artis-artis tempatan, saya ada menyoalkan pada masa yang lalu bagaimanakah berkenaan dengan memberi masa kepada pemimpin-pemimpin negara kita terutamanya yang telah meninggal dunia, diberi masa dalam 4-5 minit misalnya riwayat hidup pemimpin-pemimpin besar kita pada masa yang lalu seperti Allahyarham Dato' Onn, Raja Sir Chulan ataupun Datuk Maharaja Lela dan lain-lain pemimpin-pemimpin agung negara kita ini untuk pengetahuan khusus kepada rakyat negeri ini khususnya kepada pemuda-pemudi ataupun murid-murid sekolah kita yang perlukan satu simbolik negara supaya difahami secara menyeluruh.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan itu kami telah melaksanakan satu program khas iaitu 'Hari Ini Dalam Sejarah'.

**Puan Rahmah binti Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu bahawa tahun ini iaitu tahun 1981 ialah Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat. Tetapi malangnya Televisyen Malaysia tidak langsung ataupun saya rasa sepanjang yang saya dapat tengok sendiri belum dapat melihat artis-artis daripada kumpulan orang-orang cacat ini dipertunjukkan. Oleh kerana itu saya ingin mengetahui daripada Timbalan Menteri yang berkenaan apakah usaha Kementerian ini melalui Radio dan Televisyen Malaysia untuk memberi peluang kepada artis-artis orang-orang cacat mengambil bahagian dalam rancangan kita.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah cadangan yang baik dan akan diberi pertimbangan yang wajar.

#### PENYERTAAN KAUM WANITA DALAM SUKAN

**9. Puan Hajah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya bercadang mengharamkan Kaum Wanita mengambil bahagian dalam semua bentuk sukan kerana ini melanggar

tata-susila wanita dan juga diharamkan oleh ugama Islam; dan

- (b) sama ada dengan membenarkan penyertaan kaum-kaum wanita dalam sukan, Kementeriannya turut bertanggungjawab dan menerima dosa itu.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-pertua, saya tidak faham apakah maksud soalan ini ditimbulkan dan apakah tujuan yang sebenarnya Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah dari PAS ini mengemukakan soalan ini. Yang Berhormat Senator yang berkenaan hendak bertanya atau mengeluarkan hukuman satu pandangan beliau sendiri. Cara mengemukakan persoalan seperti ini kerap kali dikeluarkan oleh Senator ini dan biasanya kesannya ialah ianya lebih mengelirukan rakyat dan masyarakat yang terlibat, bukannya membuka mata atau membimbing rakyat.

Saya difahamkan umpamanya Yang Berhormat Senator ini sendiri pernah menimbulkan persoalan dalam Dewan yang mulia ini menegur tentang kaum wanita yang bekerja yang patut dilarang mengikut pandangan beliau. Tetapi apa yang ditegurnya itu hanya sesuai digunakan ke atas orang lain dan bukan untuk diri beliau sendiri; sebab itulah beliau masih menjadi Senator.

Jikalau Yang Berhormat Senator ini benar-benar ingin membela nasib kaum wanita, belum kedengaran lagi Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah dari PAS ini menegur apatah lagi mengambil berat tentang nasib wanita-wanita yang dinikahkan oleh pegawai-pegawai ugama yang ditauliahkan oleh Kerajaan yang dikatakan tidak sah oleh PAS. Beberapa orang wanita Islam sendiri di Malaysia telah menjadi keliru dan mangsa kepada tindak-tanduk PAS iaitu parti Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah sendiri yang mengeluarkan hukuman-hukuman dan fatwanya sendiri kerana sikap angkuhnya kerana ada Islam pada nama partinya.

Yang Berhormat Senator itu cuba pula mencemarkan nama baik Dewan yang mulia ini dengan memindahkan ke dalam Dewan ini permainan politik yang kotor yang gagal di

luar Dewan ini dengan memeralatkan soalan-soalan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan di atas dan oleh kerana soalan yang ditimbulkan itu sendiri adalah mengelirukan dan tidak betul dari segi kenyataan atau faktanya, saya tidak berhajat untuk turut memperkecil dan mempersendakan Dewan yang mulia ini seperti yang dilakukan oleh Yang Berhormat Senator itu.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Soalan tambahan.

- (a) Saya hairan, kenapa Menteri tidak faham soalan ini;
- (b) Saya hairan, kenapa Yang Berhormat Menteri sampai begitu sekali membuat tuduhan dan menyebut nama Parti daripada saya;
- (c) Saya hairan sedangkan niat saya di dalam membuat soalan ini hanya mengharap benar jawapan yang tepat mengapa dan kenapakah Yang Berhormat Menteri tidak faham sedangkan hari ini permainan sukan wanita-wanita yang berleluasa yang menjolok mata dari segi hukum Islam terbentang luas di dalam negara kita. Maka beralasan inilah Yang Berhormat Menteri saya membuat soalan ini dan tidak bersabit saya memainkan peranan hanya berselindung di sebalik tabir. Maka dalam kehairanan ini, silalah Yang Berhormat Menteri jangan membuat tuduhan yang demikian dalam soal parti saya, tetapi jawablah sekadar mana yang dapat pihak Yang Berhormat Menteri membuat jawapan untuk mengambil tindakan yang berleluasa terhadap wanita-wanita Islam.
- (d) apakah tugas Yang Berhormat Menteri terhadap memerhatikan kedudukan wanita-wanita Islam kita sama ada boleh atau tidak boleh dari segi kedudukan perbuatan mereka itu yang melanggar—yang tidak melanggar itu tidak menjadi persoalan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dibaca perkataan demi perkataan soalan di sini, apa yang saya maksudkan saya tidak faham ialah "mengharam kaum wanita" pada pangkalnya dan dihubungnya "yang juga diharamkan oleh agama Islam". Saya tidak tahu di mana timbulnya kaum wanita diharamkan bersukan oleh agama, oleh sebab itu saya tidak berhajat untuk menjawabnya. Saya berasaskan ini mengikut pada susunan ayat dalam pertanyaan yang ditimbulkan.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa ingat kerana sudah tua sedikit, cuma hendak bertanya, Menteri kita ini muda, saya ingat masa PAS memerintah selama 18 tahun di Kelantan dahulu ia haramkan atau tidak sukan dalam negeri Kelantan. Ini saya hendak tahu, adakah sukan ini pada fikiran PAS adalah melanggar hukum agama Islam.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tidak pernah kedengaran sebarang usaha sama ada perbincangan apatah lagi keputusan Kerajaan PAS tatkala itu hendak mengharamkan kaum wanita Islam bergiat dalam kegiatan sukan tatkala itu.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri apabila bangun menjawab soalan yang kedua alhamdulillah sejuk sedikit hati mendengarnya. Soalan tambahan. Yang dimaksudkan oleh saya di sini bukanlah soal fanatik tetapi kerana hari ini sukan yang saya maksudkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri ingin tahu, sukan yang saya maksudkan di sini memang bukan semua sukan yang perlu diharamkan tetapi apa yang dimaksudkan oleh soalan saya di sini hanya yang bercampur aduk antara wanita dengan lelaki. Kalau wanita dengan wanita—Okay, berenang pun tidak apa, tidak menjadi masalah dalam masalah ini.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri, saya harap seperti bola sepak di mana ini juga berleluasa. Ini yang menyebabkan saya membuat soalan ini.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu soalnya, baru saya

faham (*Ketawa*) tetapi seperti mana yang saya katakan tadi soalan asalnya itu, cara dikemukakan seolah-olah memberi hukuman, fatwa yang menyeluruh kepada setiap bidang permainan di dalam sukan. Jadi kalau apa yang telah disebut dan diterangkan seperti yang ditimbulkan dalam soalan tambahan tadi, ini kita mengambil perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rahmah binti Othman.

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bangun tadi hendak membuat soalan tambahan, kalau diizinkan. Kalau tidak boleh, saya pergilah kepada soalan saya No. 10.

### PENCEROBOHAN VIETNAM DI KAMPUCHEA

**10. Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan pergolakan di rantau ini sekarang seperti pencerobohan Vietnam di Kampuchea dan penaklukan tentera Soviet di Afghanistan sama ada ASEAN akan menimbang soal kerjasama keselamatan daripada hanya menumpukan kepada soal kerjasama ekonomi sosial dan kebudayaan sahaja.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, ASEAN ditubuhkan dengan tujuan mengutamakan dan meningkatkan kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan negara-negara anggota. Adalah menjadi hasrat dan tujuan utama ASEAN supaya tiap-tiap anggota membangunkan ekonomi masing-masing dan sesama mereka demi mewujudkan dan memperkukuhkan ketahanan nasional dan seterusnya ketahanan serantau untuk menghadapi apa-apa ancaman dari luar. Dengan cara ini, tiap-tiap anggota ASEAN secara persendirian dapat membina satu negara yang mana rakyatnya taatsetia, aman dan makmur dan ASEAN seterusnya menjadi satu rantau yang stabil. Dengan cara ini, ketahanan serantau dapat menjadi halangan kepada apa-apa ancaman dari luar.

Sekiranya ASEAN menubuhkan kerjasama keselamatan dan dengan itu menukarkan rupa bentuk asalnya, tindakan ini dijangka

memperhebatkan ketegangan di rantau ini dan menjejaskan pencapaian matlamat penubuhan satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN). Namun demikian, kerjasama keselamatan sedang dijalankan di antara negara-negara ASEAN secara dua hala. Kerjasama secara ini adalah dijangka memadai untuk mengatasi ancaman dari luar pada masa ini. Sungguhpun begitu ASEAN mengambil peranan penting dari segi tindakan politik dan diplomatik jika ada sesuatu masalah yang mengancam keselamatan dan kestabilan rantau ini, ataupun mengenai masalah ketenteraman dunia seluruhnya.

### MENARIK BALIK SOALAN NO. 11

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semasa saya menghantar soalan ini dahulu apa yang saya bangkitkan ini belum disediakan lagi. Oleh itu jejambat yang saya maksudkan di sini buat masa ini sedang dalam pembinaan, dan saya rasa tidaklah perlu hendak meminta jawapan dari Menteri yang berkenaan, hanya saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana mengambil tindakan seperti ini. Dari itu, saya tarik balik soalan No. 11 ini.

### KADAR FAEDAH PINJAMAN DARI JEPUN

**12. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab pinjaman sebanyak 48 billion yen yang diberi oleh Jepun melalui Overseas Economic Cooperation Fund dan Export-Import Bank di masa lawatan Zenko Suzuki baru-baru ini dikenakan faedah purata sebanyak 5.125% setahun, walhal Kumpulan pinjaman yang serupa diberi kepada Indonesia dikenakan faedah cuma 4% setahun.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, setiap negara yang memberi bantuan kewangan kepada negara-negara lain ada mengenakan syarat-syarat tertentu ke atas bantuan tersebut. Rancangan bantuan "Fakuda package" yang bertujuan untuk menggalakkan kerjasama perindustrian di kalangan negara-negara ASEAN adalah juga

tertakluk kepada syarat-syarat sedemikian. Kerajaan telah difahamkan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan Jepun dalam memberi bantuan kepada negara-negara membangun untuk mengenakan syarat-syarat berasaskan kepada kedayahidupan projek berkenaan serta juga berasaskan kepada kadar pembangunan ekonomi secara menyeluruh negara penerima itu.

Namun demikian saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah mengemukakan alasan-alasan yang kuat bagi mendapatkan syarat yang sama seperti yang telah diberi kepada Indonesia. Ini ialah kerana Projek Urea ASEAN Malaysia ini merupakan projek serantau ASEAN dan ianya adalah untuk faedah bersama penduduk ASEAN. Kita telah berjaya mendapatkan persetujuan dari pihak Jepun untuk mengurangkan kadar faedah purata ini dari 6% kepada 5.125%. Kadar purata ini merupakan kadar yang paling rendah sekali yang boleh diperolehi dari mana-mana sumber bantuan sekalipun pada masa ini. Jika dibandingkan Bank Pembangunan Asia kini mengenakan kadar faedah sebanyak 9% dan Bank Antarabangsa bagi Pembinaan Semula dan Pembangunan (IBRD) ataupun pendeknya Bank Dunia mengemukakan kadar faedah sebanyak 9.6%.

#### **BANTUAN KEPADA MURID-MURID SEKOLAH BERASRAMA**

**13. Datin Hajah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bantuan yang diberi oleh Kerajaan kepada seseorang murid yang tinggal di asrama adalah sebanyak \$1.30 dan murid-murid dikehendaki membayar seorang 60 sen (jumlah \$1.90) dan sama ada beliau sedar kadar \$1.90 bagi tiap-tiap seorang murid itu tidak mencukupi untuk 5 kali sarapan sehari.

**Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis makanan yang disediakan di asrama sekolah-sekolah, iaitu bekalan makanan mentah dan satu lagi ialah bekalan makanan bermasak. Bekalan makanan mentah bermaksud sekolah-sekolah berasrama menerima makanan mentah daripada kontraktor dan sekolah itu sendiri memasaknya. Makanan bermasak bermaksud

kontraktor sendiri memasak makanan itu bagi makanan pelajar-pelajar.

Adalah benar bahawa kadar bantuan makanan yang diberi oleh Kerajaan kepada pelajar-pelajar yang tinggal di asrama sebanyak \$1.30 bagi makanan mentah dan \$1.50 bagi makanan bermasak seorang sehari, pelajar-pelajar pula dikehendaki membayar 60 sen seorang sehari. Jadi peruntukan makanan harian bagi setiap orang pelajar di sekolah-sekolah berasrama ialah \$1.90 bagi makanan mentah dan \$2.10 bagi makanan bermasak.

Kementerian Pelajaran sedar bahawa dengan kenaikan harga barang-barang makanan, gas dan sebagainya kadar \$1.90 dan \$2.10 sehari itu bagi tiap-tiap seorang pelajar tidak mencukupi, oleh sebab itulah rundingan sedang dibuat dengan Kementerian Kewangan dan isnya Allah kadar bantuan makanan itu akan dinaikkan dalam sedikit masa lagi.

**Tuan Ismail bin Hashim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan masalah bantuan, tetapi saya hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat apakah kesudahannya murid-murid sekolah, pelajar-pelajar yang telah mendapat Gred 3 yang mereka ini tidak dapat ketentuan hendak masuk menyambung pelajaran pun tak dapat atau hendak ke mana pun tak dapat. Apakah peranan Menteri Pelajaran dalam masalah ini.

**Dato Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang pembekalan makanan kepada asrama-asrama ini. Banyak mendapat sungutan daripada pelajar-pelajar yang mana makanan-makanan yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal kadangkala kurang mutunya sebagaimana yang telah dijanjikan semasa dia menandatangani kontrak kepada pihak Kementerian. Oleh itu apakah tindakan Menteri Pelajaran supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

**Dato Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi mutu, memang ada mutu yang ditetapkan oleh pihak Pengawas Program Makanan di sekolah-sekolah ini

tetapi soal mutu ini terpulang kepada siapa yang menamakannya, kalau seorang itu anak orang besar duduk di asrama barangkali makanan yang diberi itu dipandang sebagai rendah mutunya, dan kalau anak orang miskin barangkali terlampau baik. Tetapi kalau ada komplek-komplek yang tertentu mengatakan bahawa makanan itu betul-betul daif, tak baik, busuk dan sebagainya, itu kalau kita mendapat laporannya akan disiasat dan diambil apa-apa tindakan untuk memperbetulkan keadaan itu.

#### **KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG**

**14. Tuan Ariffin bin Haji Salleh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan sejak akhir-akhir ini para pengeluar barangan dan pekedai begitu berani cuba memaksa Kerajaan untuk menaikkan harga barang seperti susu dan minuman, untuk menyatakan sikap Kementerian dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa dalam perkara kenaikan harga barang-barang, soal para pengeluar dan pekedai memaksa Kerajaan menaikkan harga barang-barang tidak timbul sama sekali. Permohonan kenaikan harga bagi barang-barang di bawah kawalan harga Kementerian saya, adalah terlebih dahulu dipertimbangkan dengan telitinya oleh Jawatankuasa Ulangkaji Harga dan seperti yang pernah saya tegaskan apabila Kerajaan menimbangkan permohonan-permohonan seperti ini, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian terhadap kos bahan mentah dan kos-kos pengeluaran yang lain yang kian meningkat. Jika pengeluar-pengeluar tidak dapat menyerap kenaikan kos-kos tersebut, nescaya harga barangan yang berkenaan juga akan turut naik.

Berhubung dengan ini adalah menjadi pendirian Kementerian saya untuk memastikan bekalan bahan-bahan perlu ada dengan mencukupi dan di paras harga yang berpatutan. Jika pengeluar-pengeluar dan peniaga-peniaga cuba menyorok barang-barang dan melakukan kegiatan-kegiatan penyelewangan, peruntukan-peruntukan dalam Akta Kawalan Bekalan dan Akta

Perihal Dagangan boleh digunakan untuk membenterasnya. Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya adalah sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan amalan-amalan perdagangan yang tidak sihat dan akan bertindak cergas untuk mencegahnya.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tentang kenaikan harga barang-barang ini memang begitu menyusahkan rakyat, terutama rakyat yang miskin kerana kadangkala belum tentu arah lagi naik, barang yang lain naik lagi. Umpamanya baru-baru ini kenaikan harga minyak yang kita tidak dengar pun bilakah naik dan sebagainya, tiba-tiba habis sahaja cerita di Parlimen malam itu besok pagi sudah naik harga minyak.

Dengan keadaan ini juga saya ingin bertanya tentang apakah tindakan Kerajaan terhadap orang-orang yang menjual barang-barang minuman, makanan dan sebagainya, umpamanya kenaikan harga susu ataupun gula. Sekarang harga satu gelas air sirap yang dijual di warung-warung sekarang harganya 70 sen satu gelas kalau dibandingkan dengan harga gula sekarang. Oleh itu kalau dibandingkan dengan harga itu tak sepadan dengan harga satu gelas air sirap itu tadi, dan juga barang-barang makanan yang lain semuanya naik harga, sampai ke warung-warung sekalipun. Apakah tindakan Kementerian?

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua kita mesti ingat bukan semua harga barang, baik barang makanan atau barang yang digunakan tiap-tiap hari di dalam kawalan harga Kementerian saya. Seperti dahulu harga kopi dan minuman ringan di bawah kawalan tetapi atas sebab-sebab yang mana kita tidak boleh mengadakan satu harga yang boleh dikatakan "uniform" bagi tiap-tiap kedai, kita pun tidak dapat mengawal harga ini. Masalah seperti harga minuman itu naik, saya rasa ini terpulang kepada pengguna sendiri untuk mentaksir di mana tempat minuman itu dan saya rasa Kerajaan cuma boleh mengawal barang-barang keperluan sahaja.

Tadi juga Yang Berhormat Senator bangkitkan perkara mengenai dengan menaikkan harga minyak petroleum baru-

baru ini dan kenaikan harga ini bukan tiba-tiba sahaja. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum apabila Negara-negara OPEC menaikkan harga minyak mentah, yang mengikutinya ialah barang-barang petroleum itu mesti mengikut naik. Jadi apa yang Kerajaan boleh buat cuma untuk meringankan beban yang dipikul oleh pengguna melalui subsidi yang mana seperti barang-barang petroleum telah naik sampai ke paras \$800 juta jika dibandingkan dengan \$550 juta tahun 1980 dan tahun 1976 cuma \$17 juta sahaja.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka menegaskan kepada soalan saya No. 14 tadi apa yang saya tegaskan di situ sebagai soalan di akhir-akhir ini saya mengatakan bahawa perkara pengeluar barangan dan juga pekedai-pekedai begitu berani cuba memaksa Kerajaan untuk hendak menaikkan harga barangan seperti susu, minuman dan sebagainya.

Saya bagi contoh susu umpamanya, dalam masa pekilang-pekilang atau pengeluar susu ini mendesak Kerajaan menaikkan harga susu, belum lagi Kerajaan memutuskan tetapi susu diisytiharkan tidak ada. Kita hendak beli susu tidak dapat. Rakyat bergaduh kerana tidak dapat membeli susu, terutama sekali kalau rakyat yang ada anak-anak kecil yang hendak minum susu, susunya tidak ada. Jadi mahu tidak mahu oleh sebab rakyat sudah bising di seluruh negara Malaysia kita ini, Kerajaan pun secara cepat-cepat membenarkan kenaikan harga barang. Inilah dia yang dipercakapkan oleh masyarakat kita di luar-luar bandar sekarang ini.

Jadi soalan saya, adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa seketika itu susu yang dikeluarkan dari kilang itu betul-betul habis ataupun sengaja disorok dan disusutkan bagi maksud dengan harga baru dapatlah dia untung lebih daripada dia menjualkan susu dalam masa harga yang baru itu?

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan para peniaga memaksa Kerajaan seperti saya katakan tadi tidak timbul. Itu bukan memaksa Kerajaan tetapi apabila kos bahan mentah dan kos pengeluaran naik, pengeluaran atau pengilang buat permohonan kepada Kementerian saya untuk menaikkan

harga dan sebelum kenaikan harga ini diputuskan mana-mana pihak pun, baik pengeluar, baik pengedar dan peruncit tidak boleh menaikkan harga. Jika mereka menaikkan harga kalau kita dapat laporan kita boleh ambil tindakan terhadap kes-kes yang mana menjual dengan harga yang lebih daripada apa yang ditetapkan.

Soalan amalan penyorokan, saya tidak boleh dinafikan di sini ada kegiatan seperti ini dan seperti saya katakan kalau ada para peniaga yang ada perbuatan curang seperti ini kita mesti ambil tindakan dan ini bergantung kepada sokongan dan kerjasama pengguna untuk memberi maklumat tempat ada penyorokan. Dan seperti saya pun pernah katakan di sini, memang ada para peniaga yang ingin mendapat keuntungan membuat amalan curang seperti penyorokan tetapi kalau kita dapat tahu di mana barang itu disorok, kita ambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).*

#### PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA ISLAM DI TAIIF

**15. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang diperolehi oleh negara melalui Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Taif, Arab Saudi, baru-baru ini dan apakah tanggungjawab utama yang telah diberikan kepada Malaysia untuk mengukuhkan ekonomi dan perpaduan di kalangan negar-negara Islam.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddin Al-Haj:** Saya telahpun memberikan ulasan yang panjang lebar tentang pencapaian Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Taif dan kepentingannya kepada negara di Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad pada 21 hb April, 1981 dan tidak perlulah bagi saya mengulanginya.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat pula, Malaysia telah tidak diberi satu-satu tanggungjawab utama

untuk mengukuhkan ekonomi dan perpaduan di kalangan negara-negara Islam. Perlu saya tegaskan bahawa kekuatan ekonomi dan perpaduan negara-negara Islam adalah menjadi tanggungjawab semua negara-negara Islam. Dengan itu tiap-tiap negara Islam mempunyai tanggungjawab yang sama untuk mencapai hasrat ini dan peranan sesebuah negara itu bergantunglah kepada keupayaan masing-masing.

### HARGA SUSU PEKAT

**16. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa susu pekat dan lain-lain barang keperluan hilang dengan tiba-tiba tetapi apabila kenaikan harga diumumkan benda-benda ini ada semula dalam pasaran dan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasa Kementerian untuk mencegah penyorokan barang-barang keperluan harian.

**Dato Lew Sip Hon:** Saya telah memberi jawapan kepada soalan yang hampir serupa semasa saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud pada 16-4-1981. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

### PENYELUDUPAN GETAH

**17. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah lebih dari 2,000 pikul getah diseludupkan setiap hari dari negara jiran (Thailand) ke negara ini. Jika benar apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Getah adalah dikesualikan daripada cukai import. Oleh yang demikian, kegiatan penyeludupan getah dari Negeri Thailand ke Malaysia tidak patut berlaku. Rekod Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga menunjukkan bahawa tidak terdapat penyeludupan getah dari Thailand ke Malaysia.

### KEBAKARAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

**18. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan kebakaran yang berlaku di Wilayah

Persekutuan dalam tahun 1979 dan 1980. Memandang meningkatnya kejadian kebakaran, apakah langkah-langkah perlu yang diambil untuk memastikan bahawa kemudahan latihan mencukupi bagi mengawal kebakaran, pencegahan dan perlindungan dari kebakaran agar selaras dengan pembangunan negara.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Bilangan kebakaran yang berlaku di Wilayah Persekutuan dalam tahun:

1979 berjumlah 924 kebakaran.

1980 berjumlah 826 kebakaran.

1-1-81—31-3-81 berjumlah 314 kebakaran.

Latihan-latihan adalah satu perkara amalan harian yang diberikan kepada Ahli-ahli Bomba di balai-balai bomba masing-masing. Selain daripada latihan di balai-balai, Jabatan juga mengadakan kursus-kursus lanjutan khas di Pusat Latihan Bomba Kuala Kubu Bharu. Latihan-latihan juga dijalankan sama ada di bangunan tinggi atau kilang-kilang dengan menekankan semua alatan-alatan yang diperlukan bagi membiasakan pada ahli-ahli bomba itu sekiranya berlaku kebakaran di tempat sedemikian rupa, latihan ini bukan sahaja dijalankan pada siang hari, bahkan di waktu malam hari.

Bagi pencegahan pula Jabatan Perkhidmatan Bomba telah menubuhkan satu Pasukan Penguatkuasa yang mana tugas-tugasnya memeriksa semua bangunan-bangunan bagi menentukan keselamatan nyawa dan harta benda sekiranya berlaku kebakaran. Bagi binaan bangunan-bangunan baru pula pelan-pelannya dikaji terlebih dahulu dan keperluan kebombaannya di atas keselamatan nyawa dan benda akan disyorkan mengikut undang-undang yang sedia ada sebelum bangunan-bangunan itu diluluskan pembinaannya oleh pihak-pihak yang berkuasa. Semua langkah-langkah ini adalah menuju ke arah keselamatan dan selaras dengan pembangunan negara.

### KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK-PROJEK DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

**19. Dr Choo Kooi Fook** minta Perdana Menteri menyatakan dari jumlah 26,000

projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga, berapakah yang telah siap, belum siap dan ditinggalkan dan berikan sebab-sebab mengapa berlakunya kelewatan menyiapkan projek-projek ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari 24,699 projek yang diluluskan di bawah berbagai Kementerian/Jabatan/Agensi sebanyak 14,867 projek (60.6%) telah siap dilaksanakan. Sementara itu sebanyak 166 projek (0.7%) telah diubahsuai oleh kerana projek-projek ini didapati kurang sesuai untuk dilaksanakan pada ketika ini dan yang lainnya lebih kurang 38.7% masih di dalam berbagai peringkat pelaksanaan dan akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RME).

Projek-projek yang masih dilaksanakan telah tidak dapat disiapkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga disebabkan ianya hanya mula dilaksanakan di tahun-tahun akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

Ini adalah kerana pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut tahun-tahun dalam rancangan pembangunan tersebut. Jadual pelaksanaan projek mengikut berperingkat ini menyebabkan projek-projek yang dilaksanakan di tahun-tahun akhir sesuatu rancangan pembangunan itu akan berlarutan pelaksanaannya dan hanya akan dapat disiapkan di dalam rancangan pembangunan berikutnya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan memang menyedari akan kelewatan yang berlaku ke atas pelaksanaan setengah-setengah projek dan sebab-sebab berlakunya kelewatan untuk menyiapkan projek-projek tersebut. Di antara sebab-sebab utama yang melewatkan pelaksanaan setengah-setengah projek yang dikesani ialah masalah ketidakupayaan kontraktor-kontraktor, masalah kekurangan bahan-bahan binaan dari masa ke semasa, masalah mendapatkan tanah tapak yang sesuai, masalah perancangan mendalam serta masalah kekurangan kakitangan yang mahir juga timbul.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi

mengatasi masalah-masalah tersebut untuk menjamin supaya segala program dan projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-langkah Mempercepatkan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan untuk mengkaji dan menentukan masalah-masalah dan isu-isu utama yang menghalang pelaksanaan projek-projek pembangunan serta mengesyorkan langkah-langkah baru yang dapat mengatasi isu-isu dan masalah tersebut. Adalah sukacita dimaklumkan bahawa satu laporan yang lengkap mengenai langkah-langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan ini khususnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat telahpun siap disediakan.

Keseluruhan langkah-langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet ini telah dirasmikan pelaksanaannya pada 1 April yang lalu di mana semua Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri diarah supaya melaksanakan sepenuhnya langkah-langkah tersebut.

Saya percaya dengan pelaksanaan langkah-langkah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet ini, pelaksanaan projek-projek pembangunan negara akan dapat berjalan dengan lebih licin dan sempurna.

#### **PERTANIAN—BANTUAN JEPUN**

**20. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia ada membuat hubungan dua hala mengenai peningkatan hasil pertanian dengan lawatan Perdana Menteri Jepun ke sini.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Di dalam lawatan Perdana Menteri Jepun ke sini, di antara perbincangan yang lain, hal ehwal pertanian ada juga dibincangkan secara amnya, di dalam mana pihak Jepun bersedia memberi bantuan-bantuan teknikal dan juga membiayai projek-projek pertanian melalui kemudahan Yen Kredit.

## DADAH—PENGEDAR DIHUKUM MATI

21. **Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang-orang yang dihukum mati oleh kerana didapati bersalah kerana mengedar dadah merbahaya.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Bilangan orang yang dihukum mati di bawah Ordinan Dadah Merbahaya 1952 atas kesalahan mengedar dadah sehingga ke masa ini ialah 15 orang semuanya.

## PENEMPATAN DOKTOR-DOKTOR

22. **Dato G. Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar Kementerian dalam menempatkan seseorang doktor di sesebuah tempat tertentu dan adakah faktor-faktor yang menyebabkan pertukaran seseorang doktor dari satu tempat ke tempat lain.

**Pemangku Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Penempatan doktor-doktor kepada sesuatu tempat adalah berasaskan kepada keperluan perkhidmatan. Di dalam menguruskan penempatan ini, keutamaan biasanya diberi kepada tempat-tempat yang mempunyai kadar kekosongan yang tinggi dan beban kerja yang lebih supaya perkhidmatan kesihatan dapat diberi dengan lebih saksama dan berkesan. Walau bagaimanapun, Kementerian juga memberi pertimbangan kepada masalah peribadi, minat dan kecenderungan serta kepakaran seseorang doktor itu. Pertukaran dari satu tempat ke satu tempat yang lain adalah juga berdasarkan kepada faktor-faktor ini dan juga kehendak-kehendak perkhidmatan seperti latihan dan kenaikan pangkat.

## GURU-GURU ILMU KHAS

23. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada guru-guru Ilmu Khas ada diberi apa-apa kemudahan dan keistimewaan.

**Dato Musa bin Hitam:** Guru-guru khas mempunyai kedudukan dan taraf yang sama seperti lain-lain guru.

## NILAI RINGGIT MALAYSIA

24. **Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab nilai Ringgit Malaysia semakin merosot berbanding dengan nilai dollar Singapura; dan
- (b) sama ada Kerajaan ada rancangan untuk menyatukan semula matawang Malaysia dan Singapura supaya tidak ada lagi perbezaan nilai bagi kedua-dua matawang itu.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Kelemahan dalam nilai Ringgit dalam beberapa bulan yang lepas adalah disebabkan oleh kekukuhan kebanyakan matawang-matawang asing terutama dollar AS, yen Jepun dan dollar Singapura. Berbanding dengan dollar Singapura, Ringgit adalah agak stabil dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1980 tetapi mula merosot sejak bulan Oktober, 1980. Ini adalah kerana beberapa sebab. Sebab yang utama ialah kenaikan nilai dollar Singapura berbanding dengan dollar AS disebabkan oleh aliran masuk modal asing yang berpunca dari kadar-kadar faedah yang lebih tinggi di Singapura dibandingkan dengan kadar-kadar faedah yang terdapat di Malaysia dan juga di negara-negara jirannya. Misalnya, bank-bank tempatan di Singapura mengenakan kadar faedah di antara 13-14 peratus setahun, sementara di Malaysia, kadarnya adalah kira-kira 8 peratus. Juga, kadar antara bank-bank di Singapura adalah secara purata 4 peratus lebih tinggi daripada kadar-kadar yang terdapat di Malaysia. Ada juga terdapat laporan bahawa Brunei yang tidak mempunyai pasaran kewangan atau pasaran pertukaran wang asingnya telah melaburkan wang yang banyak ke dalam matawang asing di Singapura.

Pada masa yang sama, terdapat permintaan terhadap matawang asing yang lebih besar akibat dari pertambahan dalam import yang meningkat sebanyak 42 peratus dalam masa sembilan bulan pertama tahun 1980 berbanding dengan pertambahan eksport sebanyak 24 peratus dalam tempoh yang sama. Ini menyebabkan pengurangan dalam lebihan akaun semasa kita. Tambahan pula, Ringgit lazimnya menjadi lemah pada

penghujung dan awal sesuatu tahun kerana permintaan yang tinggi terhadap matawang asing untuk menyelesaikan pembayaran akhir tahun dan pembayaran import.

Mengenai bahagian kedua soalan ini, saya rasa tidak ada sebab mengapa matawang Malaysia patut disatukan dengan matawang Singapura sepertimana dalam zaman penjajah. Kita sudahpun lama mencapai kemerdekaan dan tidak harus berputar belakang. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita mahu mengadakan dasar-dasar fiskal dan kewangan sendiri dan juga sistem bank dan institusi-institusi kewangan yang boleh memainkan peranan dalam ekonomi negara selaras dengan hasrat rakyat.

Suka saya menegaskan di sini bahawa Ringgit seperti matawang utama yang lain hanya mengalami kelemahan secara sementara berbanding dengan matawang-matawang lain dan oleh itu tidak harus dibimbangkan.

Juga, kejatuhan dalam nilai Ringgit boleh memberikan faedah kepada ekonomi Malaysia. Oleh kerana ekonomi Malaysia adalah berorientasikan eksport, kejatuhan dalam nilai Ringgit boleh menggalakkan eksport terutama eksport barang-barang yang sensitif terhadap harga seperti minyak kelapa sawit dan barang-barang perkilangan. Ianya juga dapat mengurangkan import terutama import barang-barang yang tidak perlu dan dengan pertambahan dalam eksport akan membawa ke arah pembaikan dalamimbangan pembayaran negara.

Ekonomi kita mempunyai asas yang teguh. Simpanan luar kita masih tinggi. Kita juga mempunyai "credit rating" yang baik di pasaran wang antarabangsa. Oleh itu ekonomi kita akan terus menjadi kukuh. Ringgit kita dijangka akan pulih di pertengahan tahun ini dan akan terus kukuh di masa hadapan.

#### PENGANGKUTAN AWAM

**25. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di dalam dan di sekeliling pusat-pusat bandar

untuk mengurangkan penggunaan petrol dan kesesakan lalulintas.

**Dr Goh Cheng Teik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mendapatkan pakar perunding untuk menjalankan kajian ke atas sistem pengangkutan awam di dalam dan di sekeliling pusat-pusat bandar seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru bagi mengurangkan kesesakan lalulintas.

Kajian ke atas sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur telah siap dan Kerajaan sedang mengkaji perakuan-perakuan yang dicadangkan oleh pakar perunding tersebut.

Sementara itu beberapa langkah bagi mengatasi masalah kesesakan di bandaraya Kuala Lumpur seperti pembinaan "ring roads" dan pembinaan lebuh raya yang tidak melalui pusat bandar sedang dilaksanakan.

#### PENDATANG HARAM FILIPINA/ INDONESIA

**26. Tuan Loh Kee Peng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa didapati ramai pendatang haram dari Filipina dan Indonesia telah memasuki Malaysia dan telah menimbulkan berbagai masalah dalam masyarakat kita terutama kes-kes jenayah dan jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menyekat kedatangan pendatang haram ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Soalan yang sama maksudnya dengan soalan di atas telah dijawab pada 15-4-1981 di Dewan yang mulia ini.

#### SOCISO—WANG PAMPASAN KEPADA MANGSA KEMALANGAN

**27. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah wang pampasan yang dikeluarkan oleh SOCISO kepada mangsa-mangsa kemalangan perusahaan semenjak bulan Januari, 1980 sehingga sekarang dan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kemalangan perusahaan di kilang-kilang di negara ini.

**Dato K. Pathmanaban:** Jumlah wang pampasan yang dikeluarkan oleh SOCSO kepada mangsa-mangsa kemalangan perusahaan sejak bulan Januari, 1980 hingga Februari, 1981 ialah sebanyak \$4,730,790.53 sen. Ini tidak termasuk perbelanjaan sebanyak \$1,014,487.13 sen lagi untuk pemulihan, perubatan dan latihan vokesyenal bagi pekerja-pekerja tersebut.

Mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kemalangan perusahaan di kilang-kilang, Kementerian saya sentiasa memandang berat tentang perkara ini dan telah mengambil beberapa langkah yang tertentu untuk membaikinya. Selain daripada menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, pegawai-pegawai dari Jabatan yang berkenaan telah juga menjalankan berbagai aktiviti yang bertujuan untuk mengujudkan suasana kerja yang sihat dan selamat. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu termasuklah menganjurkan seminar, memberi ceramah kepada pihak pengurusan, pihak pekerja, institusi-institusi pelajaran, badan-badan sukarela dan sebagainya, beserta dengan pertunjukan filem-filem keselamatan dan mengeluarkan serta mengedarkan surat-surat berita berhubung dengan kemalangan dan penyakit khidmat. Aktiviti-aktiviti ini juga bertujuan untuk menggalakkan pekerja-pekerja dan pihak pengurusan memainkan peranan mereka dalam bidang keselamatan di tempat kerja.

Usaha-usaha ini telah memberi hasil yang baik yang dapat dibuktikan dengan berpandukan kepada angka-angka kemalangan yang telah dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial dari tahun 1974 hingga tahun 1979 dalam mana kadar peratusan kemalangan telah berkurangan dari 7.1½ dalam tahun 1974 menjadi 3½ sahaja pada tahun lepas.

#### PINJAMAN PENIAGA BUMIPUTRA DARI UDA/MARA

**28. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) sama ada bantuan dan pinjaman yang diberikan oleh UDA dan MARA

kepada peniaga bumiputra itu sekadar sekali gus sahaja atau bantuan berlanjutan;

(b) sama ada kajian juga dibuat untuk menentukan usaha-usaha perniagaan dan pengusaha bumiputra tidak terkandas atau tersangkut atau ditimpa kegagalan; dan

(c) sama ada bantuan ini telah membolehkan kaum bumiputra mencapai kemajuan.

**34. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan peminjam dari UDA dan MARA yang usaha niaganya masih cergas berjalan dan jenis usahanya (23-4-1981).

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Soalan Yang Berhormat pada hari ini ada kaitan rapat dengan soalan pada 23hb April, 1981 dan saya rasa elok saya satukan jawapan-jawapannya untuk membolehkan saya memberi jawapan yang lebih menyeluruh.

Pertama sekali saya suka menyatakan bahawa bilangan peminjam perniagaan dari UDA yang usaha niaganya masih cergas sehingga bulan Disember 1980 adalah seperti berikut:

<i>Jenis Pinjaman</i>	<i>Bilangan Projek (Bumi-putra)</i>
(i) Pinjaman Ubahsuai	87
(ii) Pinjaman Alat-alat Ke-lengkapan	3
(iii) Pinjaman Sewa Beli	113
(iv) Lain-lain Bantuan ..	1
JUMLAH ..	<hr/> 204 <hr/>

Jenis-jenis perniagaan yang dijalankan oleh peminjam-peminjam tersebut termasuklah perniagaan restoran, mini-market, klinik, perabut, alat-ganti, agensi pelancungan dan lain-lain lagi.

Bagi MARA sehingga bulan Disember, 1980, sejumlah 31,570 pinjaman telah

dikeluarkan di mana perniagaannya masih cergas. Bidang perniagaan tersebut adalah jenis pembuatan, pembinaan perdagangan,

pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan. Pecahan bilangan tersebut adalah seperti berikut:

	Pinjaman Biasa	Pinjaman Kecil	Rancangan Usahawan Baru	Jumlah
1. Pembuatan .. .. .	2,355	—	164	2,519
2. Pembinaan .. .. .	2,048	—	—	2,048
3. Perdagangan .. .. .	17,426	6,400	—	23,826
4. Pengangkutan .. .. .	1,606	—	—	1,606
5. Perkhidmatan dan lain-lain .. .. .	1,374	—	197	1,571
<b>JUMLAH ..</b>	<b>24,809</b>	<b>6,400</b>	<b>360</b>	<b>31,570</b>

Berbalik kepada soalan (a), segala bantuan pinjaman yang diberikan oleh UDA dan MARA kepada peniaga bumiputra adalah pada amnya secara sekaligus. Walau bagaimanapun baru-baru ini rancangan pinjaman oleh UDA dalam apa jenis sekalipun telah diberhentikan.

MARA di samping memberikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha bumiputra, juga menggalakkan peminjam-peminjamnya yang didapati sesuai untuk menggunakan kemudahan-kemudahan pinjaman daripada bank-bank swasta selepas mendapat pinjaman pertama dari MARA. MARA hanya memberi pinjaman lanjutan kepada peminjam-peminjam berdasarkan kepada merit sesuatu perniagaan itu. Di samping kemudahan pinjaman, MARA juga menyediakan bantuan khidmat nasihat dan bimbingan serta latihan yang diberikan berperingkat-peringkat selagi diperlukan oleh usahawan-usahawan bumiputra.

- (b) Pihak UDA dan MARA memanglah membuat kajian-kajian mengenai sesuatu perniagaan yang mendapat pinjaman dari agensi-agensi ini sebelum diusahakan oleh usahawan bumiputra dan kajian mengenai mengapa dan bagaimana perniagaan itu terkandas juga dibuat.

Kajian dari masa ke semasa dibuat juga oleh MARA untuk mempasti masalah-masalah berkaitan dengan

perjalanan perniagaan supaya pengusaha-pengusaha kekal dalam perniagaan menerusi tindakan-tindakan susulan, kursus-kursus, dialog dan melalui kerjasama dengan dewan-dewan dan persatuan-persatuan perniagaan. Walau bagaimanapun MARA tidak boleh memberi jaminan bahawa perniagaan seseorang itu akan tetap berjaya kerana kejayaan sesuatu perniagaan itu bukan semata-mata bergantung kepada bantuan dan bimbingan yang diberi oleh agensi Kerajaan seperti MARA tetapi bergantung juga kepada tahap minat serta dedikasi berniaga peminjam itu sendiri.

- (c) Bantuan-bantuan yang diberi oleh UDA dan MARA memanglah dengan tujuan untuk membolehkan usahawan-usahawan bumiputra mencapai kemajuan. Untuk memastikan bantuan-bantuan ini mencapai tujuannya serta mengurangkan risikonya, MARA telah menyediakan bantuan-bantuan dengan cara bersepadu yang meliputi kursus-kursus mengenai ilmu pengenalan terhadap perniagaan, bimbingan, penyediaan tempat berniaga dan pinjaman kewangan. Dengan adanya bantuan-bantuan ini MARA berharap usahawan-usahawan bumiputra akan mencapai kemajuan. Walau bagaimanapun kemajuan ini seperti

saya katakan tadi bergantung kepada daya usaha usahawan itu sendiri.

### KEMALANGAN PERUSAHAAN DI KILANG-KILANG

**29. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah kemalangan perusahaan yang berlaku di kilang-kilang semenjak bulan Januari 1980 sehingga sekarang yang dilaporkan ke pihak SOCSO.

**Dato K. Pathmanaban:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) mencatatkan semua kemalangan perusahaan yang dilaporkan kepadanya mengikut jenis perusahaan sejajar dengan amalan antarabangsa. Oleh itu tidak ada rekod berasingan bagi kemalangan yang berlaku dalam kilang-kilang sahaja.

Bilangan semua kemalangan perusahaan yang dilaporkan kepadanya semenjak bulan Januari, 1980 hingga Februari, 1981 ialah 60,883. Pecahan mengikut bulan adalah seperti berikut:

<i>Bulan</i>	<i>Bilangan</i>
1980—Januari .. ..	3,860
Februari .. ..	3,496
Mac .. .. .	4,312
April .. .. .	4,309
Mei .. .. .	4,303
Jun .. .. .	3,920
Julai .. .. .	4,787
Ogos .. .. .	3,262
September .. ..	3,959
Oktober .. ..	4,913
November .. ..	4,816
Disember .. ..	5,403
1981—Januari .. ..	5,246
Februari .. ..	4,297
JUMLAH .. ..	<u>60,883</u>

### BANJIR DI KUALA LUMPUR

**30. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kawasan-kawasan di Kuala Lumpur mudah dilanda banjir apabila hujan turun yang mengakibatkan kesesakan lalulintas dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil mengenai perkara ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bandaraya Kuala Lumpur menghadapi dua jenis banjir yang berlainan dari segi sebab berlakunya. Jenis yang pertama ialah banjir besar akibat dari perlimpahan air dari Sungai Klang, Sungai Batu dan Sungai Gombak. Jenis yang kedua ialah banjir kilat yang disebabkan oleh hujan tempatan yang lebat serta kekurangan sistem perparitan bandar (Urban Drainage System).

Jabatan Parti dan Taliair Wilayah Persekutuan kini sedang menjalankan suatu projek Pencegahan banjir yang komprehensif untuk Bandaraya Kuala Lumpur yang diberi nama "Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur". Projek ini terbahagi kepada tiga komponen seperti berikut:

#### (i) *Empangan*

Ini meliputi kerja-kerja meninggikan paras Empangan Klang Gate dan pembinaan dua buah lagi Empangan baru untuk Sungai Batu dan Sungai Gombak.

#### (ii) *Memperbaiki Sungai Klang, Sungai Batu dan Sungai Gombak*

Ini meliputi kerja-kerja mendalamkan serta melebarkan ketiga-tiga Sungai tersebut.

#### (iii) *Urban Drainage:*

Ini meliputi kerja-kerja mendalamkan serta melebarkan parit-parit utama (trunk drain).

Sehingga akhir Rancangan Malaysia Ketiga projek-projek bagi pencegahan banjir kilat telahpun dilaksanakan di Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan seperti Jalan Bangsar di persimpangan Jalan Riong,

Batu 41/2, Jalan Kelang Lama, di Jalan Pertama, Jalan Kuchai Lama, Jalan Pekeliling, Kampung Bharu, Jalan Campbell, Kampung Periok dan Kampung Doraisamy telahpun dicegah dari banjir kilat.

### BAYARAN PELAJARAN PENUNTUT-PENUNTUT DI UNITED KINGDOM

**31. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pelajar-pelajar di United Kingdom memandangkan sikap Kerajaan British dengan sewenang-wenangnya menaikkan bayaran pelajaran penuntut-penuntut luar negeri yang belajar di United Kingdom.

**Dato Musa bin Hitam:** Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa langkah telahpun diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran berikutan dengan kenaikan bayaran pelajaran penuntut-penuntut kita di United Kingdom antaranya:

- (1) Satu Tabung pusingan telah ditubuhkan sejak tahun 1980 yang bertujuan khusus untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar persendirian yang mengalami masalah kewangan akibat kenaikan yuran pengajian itu. Pada tahun ini Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan sebanyak \$800.000 kepada tabung tersebut. Setakat ini seramai 146 penuntut telah menikmati faedahnya.
- (2) Di samping itu Kementerian Pelajaran juga telah mengambil tindakan di bidang Diplomas antarabangsa dengan menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar akibat kenaikan yuran melalui Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London dalam satu mesyuarat antara Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara-negara Komanwel yang telah diadakan di Malborough House pada 10hb April, 1980 dan di dalam persidangan Menteri-menteri Pelajaran Komanwel di Colombo, Sri Lanka pada bulan Ogos 1980. Usaha-usaha seperti ini akan terus diadakan dari semasa ke semasa.

(3) Kementerian Pelajaran bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam telah dan sedang berusaha mencari lebih banyak tempat pengajian di negara-negara lain selain daripada United Kingdom. Setakat ini beberapa delegasi di peringkat pegawai telah dihantar oleh penganjur-penganjur untuk tujuan tersebut.

(4) Kementerian Pelajaran juga bersama dengan Universiti-universiti tempatan sedang berusaha merancang pembesaran dan perkembangan universiti-universiti supaya setiap universiti boleh mencapai enrolment pelajar sebanyak 10,000 orang.

### KERAKYATAN MALAYSIA— PENGELUARAN SIJIL

**32. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kelewatan hingga lebih 5 tahun untuk mengeluarkan sijil-sijil kerakyatan Malaysia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada kelewatan di dalam memproses sesuatu permohonan kewarganegaraan. Kajian yang teliti perlu dijalankan untuk menentukan pemohon-pemohon benar-benar mempunyai kelayakan seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan. Oleh itu masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan adalah tidak lebih daripada tempoh yang diperlukan.

### KERETA KEBEL DI KUALA LUMPUR

**33. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada penggunaan kereta kebel akan digunakan di Kuala Lumpur dan jika ya, nyatakan bila kereta kebel ini akan mula digunakan.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Penggunaan kereta kebel serta lain-lain sistem pengangkutan awam seperti bas udara, sistem keretapi bawah tanah dan lain-lain lagi untuk Kuala Lumpur sedang dikaji oleh Kerajaan, sebagai sebahagian dari Kajian Pelan Induk Kuala Lumpur. Oleh kerana kajian mengenai sistem pengangkutan ini meliputi bidang yang

luas, Dewan Bandaraya telah melantik Pakar Perunding untuk menjalankan kajian pengangkutan ini. Kajian ini meliputi di antaranya keadaan pengangkutan dan Lalulintas sekarang dan memberikan perakuan-perakuan mengenai pentadbiran pengangkutan di masa hadapan serta cara-cara (modes) pengangkutan yang sesuai bagi menampung keperluan perjalanan yang semakin bertambah. Memandangkan kajian dan pertimbangan sistem pengangkutan ini masih dijalankan, Kerajaan belum memutuskan tentang sistem pengangkutan awam yang hendak dilaksanakan itu.

### JEJANTAS DI JALANRAYA PERSEKUTUAN

**34. Dato Hajah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau akan mengkaji dan seterusnya menimbangkan untuk mendirikan jejantas (Jalan atas) di jalan-jalanraya yang sibuk untuk memudahkan kanak-kanak sekolah menyeberangi jalanraya-jalanraya yang bahaya.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Kementerian saya memangnya telah ada membuat kajian membina jejantas di jalanraya-jalanraya Persekutuan. Pembinaan jejantas-jejantas akan dilaksanakan apabila Kementerian saya mendapati ianya perlu didirikan terutamanya di jalanraya-jalanraya yang bahaya untuk kemudahan orangramai termasuk juga kanak-kanak sekolah menyeberangi jalanraya-jalanraya itu. Di samping itu, pada masa sekarang kebanyakan sekolah-sekolah yang berhampiran dengan jalanraya Persekutuan mempunyai "Traffic Warden" untuk mengawas dan membantu murid-murid menyeberangi jalan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan hanya bertanggungjawab membina jejantas-jejantas di jalanraya-jalanraya Persekutuan sahaja. Bagi jalanraya-jalanraya negeri dan Majlis-majlis Tempatan, tanggungjawab itu terletak kepada agensi-agensinya berkenaan.

### JABATAN PENERANGAN—JAWATAN PEMBANTU LUAR

**35. Dato G. Pasamanickam** minta Menteri Penerangan memberitahu sebab-sebab

kelambatan yang telah berlaku dalam melantik Pegawai Luar (Field Assistant) dan sama ada Kementerian ada ura-ura untuk meminda had umur seseorang calon sebelum ianya dilantik untuk jawatan ini.

**Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat):** Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, jawatan yang mungkin Ahli Yang Berhormat maksudkan ialah Pembantu Luar di Jabatan Penerangan. Sekiranya demikian, kelambatan dalam melantik Pembantu-pembantu Luar ini kerana melibatkan masalah penurunan kuasa perantikan dari pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan telahpun mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan pengambilan Pembantu Luar dan berharap langkah-langkah ini dapat diselesaikan seberapa cepat yang mungkin.

Mengenai pindaan had umur seseorang calon sebelum ianya dilantik ke dalam jawatan ini, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak bertujuan untuk memindanya. Sebenarnya Kementerian Penerangan tidak mempunyai kuasa membuat sedemikian.

### USAHA TANAMAN KAPAS

**36. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak memulakan usaha tanaman kapas di negara kita memandangkan keadaan iklim yang sesuai dan keluasan tanah yang masih terdapat di negara ini.

**Dato Abdul Manan bin Othman:** Kerajaan tidak bercadang hendak memulakan usaha tanaman kapas di negara ini. Ini ialah kerana iklim di negara ini tidak begitu sesuai untuk tanaman tersebut. Negeri ini mempunyai masa hujan yang banyak dan ini akan menjejaskan mutu kapas yang akan dikeluarkan.

### SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

**37. Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin supaya golongan yang berpendapatan rendah juga tidak ketinggalan di dalam pembelian atau memiliki saham Amanah Saham

Nasional dan adakah wang hasil dari penjualan saham Amanah Saham Nasional ini akan diutamakan untuk pembangunan di luar bandar.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Skim ini memang dirancang dan digubal khusus untuk bumiputra yang berpendapatan rendah. Ini boleh dilihat dari beberapa ciri skim ini seperti konsep pelaburan pokok di mana pelaburan \$10 akan mendapatkan 100 unit saham, lantikan agen-agen yang banyak terutama Pejabat-pejabat Pos yang mudah dihubungi oleh Rakyat, Pelaburan secara beransur dan kemudahan jual-beli unit-unit saham ini. Penetapan harga pada \$1 se unit sehingga 1990 adalah untuk menentukan bahawa bumiputra yang berpendapatan rendah dapat membeli unit-unit ini pada harga yang rendah dan menarik setelah mereka mempunyai modal untuk melabur. Ahli Yang Berhormat juga tentu sedar bahawa kempen publisiti secara besar-besaran telah dan sedang dijalankan untuk memberi penjelasan berkenaan skim ini di seluruh pelusuk negara khususnya di kawasan-kawasan luar bandar supaya mereka mengetahui mengenai skim ini dan tidak akan ketinggalan untuk menyertainya.

Berkenaan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, wang hasil dari penjualan saham ASN ini akan digunakan untuk memperolehi saham lain-lain syarikat untuk dimasukkan ke dalam Potfolio Skim ASN. Syarikat-syarikat tersebut juga menjalankan aktiviti-aktiviti di kawasan luar bandar.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.34 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Pada keseluruhannya cadangan pindaan Perlembagaan pada kali ini adalah bertujuan

bagi meminda 11 perkara, 3 Jadual, 2 seksyen dan memansuhkan 3 perkara. Perkara-perkara yang dipinda ialah perkara-perkara 42, 45, 52, 56, 57, 89, 114, 139, 143, 149 dan 150. Bagi jadual pula yang dipinda ialah Jadual-jadual Kelapan Kesembilan dan Kesepuluh dan bagi seksyen pula yang dipinda ialah Seksyen-seksyen 42 dan 43 Akta A 354. Seterusnya cadangan pindaan adalah bagi memansuhkan perkara-perkara 141, 146B dan 146C.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan kepada Perkara 42 adalah bagi membolehkan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang yang dibuat sebelum hari Merdeka mengenai kuasa-kuasa meremitkan hukuman bagi sesuatu kesalahan atas sebab-sebab berkelakuan baik ataupun perkhidmatan-perkhidmatan istimewa terus berkuatkuasa.

Seksyen 50 Ordinan Penjara 1952 dan Peraturan-peraturan 43 dan 49 Peraturan-peraturan Penjara 1952 yang dibuat di bawah Ordinan yang sama memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Penjara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meremitkan hukuman bagi sesuatu kesalahan atas sebab-sebab berkelakuan baik ataupun perkhidmatan-perkhidmatan istimewa Ordinan dan Peraturan-peraturan yang tersebut adalah dibuat sebelum Hari Merdeka dan bersesuaian dengan Peruntukan 162 (5) Perlembagaan, Ordinan dan peraturan tersebut tidak lagi boleh dipakai selepas Hari Merdeka selagi belum dibuat apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan. Perkara 42 (2) pula memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja ataupun Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Yang di-Pertua Negeri di antara lain meremitkan hukuman bagi sesuatu kesalahan. Jelaslah bahawa selepas Hari Merdeka Pegawai-pegawai Penjara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidak lagi boleh menjalankan kuasa-kuasanya yang diberi kepadanya oleh Peraturan-peraturan 43 dan 49. Adalah dilaporkan bahawa jumlah orang-orang yang boleh ditibangkan bagi mendapat remission kerana berkelakuan baik

atau perkhidmatan-perkhidmatan istimewa telah bertambah dari masa ke semasa. Oleh itu adalah tidak praktik jika setiap kes remission hendaklah dirujuk bagi pertimbangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja ataupun Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri yang mana berkenaan. Pindaan ini akan membolehkan pegawai-pegawai Penjara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri terus memberi remission kepada mana-mana banduan yang didapati berkelakuan baik ataupun telah membuat perkhidmatan-perkhidmatan istimewa di bawah Peraturan-peraturan 43 dan 49. Adalah diharapkan pindaan ini akan membolehkan kuasa memberi remission bagi kelakuan baik atau perkhidmatan-perkhidmatan istimewa ditadbirkan dengan lebih cepat, licin dan kemas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Fasal Baru 3A Perkara 45 ialah bagi menetapkan tempoh perlantikan seseorang Ahli Dewan Negara tidak melebihi 2 penggal atau 6 tahun sahaja jumlah perkhidmatannya sebagai Ahli Dewan Negara. Perkara ini adalah terpakai kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik dan juga dipilih.

Sebagaimana dimaklumi Ahli-ahli Dewan Negara adalah dilantik dari mereka yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang di dalam Perkhidmatan Awam atau telah mencapai kepujian di dalam bidang profession, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa Peruntukan Perlembagaan ini adalah bagi membolehkan Ahli-ahli Dewan Negara menyumbangkan bakti mereka melalui pengalaman-pengalaman mereka yang mahir di bidang masing-masing. Oleh itu bersesuaian dengan perkara ini adalah difikirkan masa 6 tahun itu adalah satu masa yang mencukupi bagi mereka mencurahkan pengalamannya di Dewan Negara.

Di samping itu sebagaimana yang dimaklumi negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun dengan pesatnya. Bidang-bidang profession baru telah wujud bersama-sama pembangunan negara seperti yang bersangkutan dengan Sains, Teknologi,

Industri-industri dan lain-lain. Oleh itu dengan menghadkan tempoh perlantikan ini, akan memudahkan perlantikan Ahli-ahli di dalam bidang-bidang yang dikehendaki oleh negara di dalam sesuatu masa tertentu. Pada keseluruhannya pindaan kepada perkara ini akan memudahkan negara mendapat tokoh-tokoh yang pakar di dalam berbagai-bagai bidang selaras dengan keadaan masa yang mana sudah tentu akan menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 52 Fasal Baru (2) adalah bagi menetapkan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang telah mendapat cuti dari menduduki Dewan tidak harus mencampuri apa-apa urusan Dewan semasa cutinya itu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana termaklum, semua Warganegara termasuk mereka yang ditahan atas sebab-sebab kepentingan dan keselamatan negara adalah berhak menjadi Ahli Parlimen kecuali mereka itu hilang kelayakannya di bawah Perkara 48, mereka yang ditahan itu akan terus ditahan sungguhpun mereka dipilih menjadi Ahli Parlimen. Oleh yang demikian, mereka yang ditahan itu tidak dapat menghadiri Persidangan Parlimen dan terpaksa memohon dan dibenarkan bercuti selama mereka di dalam tahanan. Namun demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ditahan itu ada mengemukakan soalan-soalan di persidangan Parlimen. Soalan-soalan itu sudah tentu boleh mengelirukan pengundi-pengundinya yang menyangka Ahli Parlimen tersebut berada di Dewan mewakili mereka. Adalah difikirkan bahawa tidaklah sesuai bagi mereka yang tidak hadir mengambil bahagian di dalam urusan Parlimen. Di samping itu, dengan pindaan ini akan dapat mencegah mana-mana Ahli Parlimen yang berada di luar Malaysia dan yang bercuti daripada mengemukakan soalan-soalan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 56 dan 57 melibatkan pindaan-pindaan kepada 3 Fasal. Pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi perkara-perkara ini adalah agak serupa dari segi maksudnya.

Pindaan Fasal (3) Perkara 56 dan 57 ini adalah bertujuan bagi membolehkan jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dipangku dengan segera semasa berlaku sebarang kekosongan jawatan tersebut.

Sebagaimana yang dimaklumi, Peruntukan Perlembagaan yang ada adalah bagi pemangkuan jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat hanya semasa Yang di-Pertua tidak hadir di dalam Dewan. Oleh itu jika berlaku sebarang kekosongan selain daripada sebab-sebab lepas Pilihanraya umum, maka hendaklah dilantik seorang Yang di-Pertua mengikut Tatacara yang ada, selaras dengan peruntukan Perlembagaan yang menyatakan bahawa Dewan tidak boleh menjalankan apa-apa urusan selagi jawatan Yang di-Pertua tidak diisikan. Oleh yang demikian, urusan persidangan Dewan yang sedang dijalankan akan terganggu apabila jawatan Yang di-Pertua menjadi kosong akibat kematian, misalnya, perlantikan Yang di-Pertua akan mengambil masa sedangkan lazimkan Dewan bersidang dalam satu jangkamasa yang tertentu. Oleh itu dengan adanya pindaan ini, jika berlaku kekosongan Dewan akan boleh meneruskan urusan-urusannya terutama jika ada urusan yang penting dengan Timbalan Yang di-Pertua mengendalikan urusan-urusan persidangan Dewan seterusnya. Oleh yang demikian, dengan adanya pindaan ini akan memberi flexibility kepada pemangkuan jawatan Yang di-Pertua kedua-dua Dewan yang mana ini sudah tentu akan melicinkan perjalanan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 56 dan 57 ini juga adalah bertujuan menentukan bahawa Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan hilang kelayakan menduduki jawatannya jika bergiat dalam apa-apa organisasi sama ada mendapat saaraan atau tidak kecuali penglibatan di dalam organisasi yang bersifat sukarela atau kebajikan. Seterusnya pindaan juga dibuat bagi menentukan bahawa Dewan Negara dan Dewan Rakyat sahaja yang berkuasa bagi menentukan akan kehilangan kelayakan ini. Suka dinyatakan di sini bahawa sekatan yang serupa adalah dikenakan juga kepada Yang di-Pertua Dewan Negeri dan keputusan

Dewan Negeri adalah muktamad jika timbul sebarang soalan mengenai hilang kelayakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan mencadangkan peruntukan ini adalah semata-mata bagi meninggikan imej Dewan yang mulia dan menjamin supaya tidak timbul sekarang keadaan 'Conflict of Interest' di mana sudah tentu akan merumitkan Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua bagi menjalankan tugas-tugas mereka dengan adil dan berkesan. Maksud pindaan ini juga adalah selaras dengan sekatan-sekatan yang dikenakan kepada Ahli-ahli Pentadbiran termasuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang tidak dibenarkan mengambil bahagian yang aktif di dalam perniagaan. Adalah perlu juga diperhatikan dengan semakan saaraan dan kemudahan-kemudahan yang telah diberi kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua baru-baru ini maka adalah sesuai dan adil terutama dari kacamata rakyat, bagi Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dapat menumpukan sepenuh masa demi meninggikan lagi imej Parlimen. Begitu juga Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengadakan saaraan dan kemudahan yang baik kepada Yang di-Pertua Dewan Negeri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan di Fasal Baru (1A) Perkara 89 adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan Tanah Rezab Melayu dengan ertikata: tanah tersebut harus dipegang oleh orang-orang Melayu sendiri sahaja buat selama-lamanya. Dengan adanya pindaan ini akan membolehkan saarnya dibuat sebarang peruntukan di dalam undang-undang yang berkaitan dengan Tanah Rezab Melayu bagi menyekat kepentingan atau hak pemegangnya yang tidak lagi layak memegang Tanah Rezab Melayu. Pindaan ini akan juga membolehkan perampasan atau pemulangan balik kepada Kerajaan Negeri akan Tanah-tanah Rezab Melayu jika pemegangnya tidak lagi layak memegang Tanah Rezab Melayu.

Cadangan ini adalah penting kerana ada syarikat-syarikat yang ditakrifkan sebagai Melayu bagi maksud undang-undang yang berkaitan dengan Tanah Rezab Melayu dan memiliki Tanah Rezab Melayu telah bertukar corak di mana sebahagian besar sahamnya

telah dipindahmilik kepada orang-orang bukan-Melayu dan dengan yang demikian tidak lagi berhak memiliki tanah-tanah rezab itu.

Cadangan pindaan Fasal (3) Perkara 89 pula adalah bermaksud supaya diisytiharkan dengan secepat mungkin sebarang tanah lain yang mempunyai kerekktor dan luas yang sama apakala sebarang Tanah Rezab Melayu dihentikan daripada menjadi Tanah Rezab Melayu. Ini akan menjamin bahawa keluasan Tanah Rezab Melayu akan kekal buat selama-lamanya bagi faedah dan kepentingan orang Melayu. Selaras dengan pindaan ini, Fasal (3) (c) adalah dibatalkan.

Tujuan pindaan ini adalah untuk mengelakkan salah tafsiran ke atas peruntukan tersebut yang sedia ada dalam Perlembagaan. Dengan ketiadaan perkataan "dengan secepat mungkin" menyebabkan kadangkala perisytiharan menggantikan tanah-tanah yang terhenti menjadi Tanah Rezab Melayu adalah lambat dibuat. Kerap kali ini boleh merugikan orang-orang Melayu. Oleh yang demikian dengan adanya pindaan ini Tanah-tanah Rezab Melayu yang jadi tanah terbuka akan dapat diganti baru dengan keluasan dan kerekktor yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 114 adalah bagi mewujudkan satu jawatan Timbalan Pengerusi menjalankan tugas-tugas Pengerusi semasa pengerusi sakit atau cuti. Satu lagi pindaan bagi perkara ini adalah bagi memperkuatkan sekatan ke atas Ahli-ahli Suruhanjaya dari melibatkan diri di dalam sebarang perniagaan atau organisasi sama ada mendapat saraan atau tidak kecuali organisasi sukarela.

Seperti dimaklumi, Suruhanjaya Pilihanraya tidaklah mempunyai seorang Timbalan Pengerusi. Perkara 114 ada memperuntukkan bahawa jika pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya oleh kerana bercuti atau lain-lain sebab, maka seorang ahli boleh dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan tugas-tugas Pengerusi di dalam jangka masa tersebut. Memandangkan Tatacara pemangkuan pengerusi ini maka agak sukar bagi pengerusi mengambil cuti tahunan. Oleh itu dengan pindaan Perkara 114 ini akan

membolehkan ujudnya jawatan Timbalan Pengerusi yang mana boleh pula menjalankan tugas-tugas pengerusi semasa ketiadaan pengerusi tersebut. Pengujudan jawatan Timbalan Pengerusi ini juga adalah selaras dengan organisasi Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang lain yang mempunyai seorang Timbalan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan ke atas Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dari melibatkan diri di dalam sebarang perniagaan atau organisasi sama ada mendapat saraan atau tidak, ini adalah juga terpakai ke atas semua Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan seperti pindaan di Fasal 2 (B) Perkara 142. Di samping itu pindaan di Perkara 142 ini juga memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuasa memecat Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang melanggar sekatan ini. Berbangkit dari pindaan Fasal 2 Perkara 142 ini maka Perkara 143 adalah juga dipinda.

Cadangan-cadangan pindaan ini adalah bagi memperkuatkan sekatan ke atas semua Ahli-ahli Suruhanjaya dari melibatkan diri daripada menjadi ataupun menduduki sebagai ahli mana-mana badan atau melibatkan diri di dalam sebarang perniagaan. Perlu dinyatakan di sini bahawa keputusan ini telah ditimbang dengan sedalam-dalamnya. Kerajaan berpendapat bahawa Ahli-ahli Suruhanjaya seharusnya menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada tugas-tugas mereka kecuali tugas yang berbentuk sukarela yang tidak mendapat apa-apa upah. Sekatan ini bukan sahaja akan dapat meninggikan lagi imej Suruhanjaya-suruhanjaya sebagai badan yang bebas tetapi dapat juga mengelakkan dari timbulnya sebarang "conflict of interest" yang mana jika berlaku tentulah akan menimbulkan beberapa soalan dan tuduhan yang tidak sihat oleh pihak-pihak yang tertentu. Bagi pihak Kerajaan pula sebelum keputusan ini dibuat Kerajaan telah mengambil kira kebajikan semua Ahli-ahli Suruhanjaya dengan membuat semakan yang berpatutan dan sesuai terhadap saraan dan kemudahan-kemudahan kepada semua Ahli-ahli Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 139 melibatkan 3 Fasal. Cadangan

pindaan di Fasal (1) adalah bertujuan bagi memasukkan Perkhidmatan Keretapi ke dalam Bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Keputusan ini diambil memandangkan bahawa beban kerja Suruhanjaya tersebut tidaklah seberapa besar bagi memberi justifikasi akan perlunya sebuah Suruhanjaya. Ini adalah disebabkan kakitangan Perkhidmatan Keretapi adalah tidak begitu besar berbanding dengan Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain. Dengan pindaan ini maka bermakna Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi adalah terubuh dan dengan yang demikian Perkara 141 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Fasal baru 1A Perkara 139 pula adalah bertujuan untuk meletakkan bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Cawangan Sabah dan Sarawak di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh itu pegawai-pegawai yang sebelumnya terletak di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Sarawak akan diletak di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Hasrat penyatuan ini adalah berikutan dari pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet mulai 1hb Julai, 1978 di negeri-negeri tersebut. Dengan adanya penyatuan ini akan menyelaraskan segala dasar mengenai pengambilan dan kenaikan pengkat bagi seluruh Perkhidmatan Awam Persekutuan dan ini adalah satu langkah yang baik bagi memperkemas Perkhidmatan Awam. Selaras dengan pindaan ini maka Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Cawangan Sabah dan Sarawak adalah dibubarkan. Oleh itu Perkara 146b dan 146c Perlembagaan adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Pindaan Fasal (4) Perkara 139 pula adalah bagi menambah bilangan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam daripada tidak lebih daripada dua belas kepada tidak lebih dari tiga puluh.

Perlu dinyatakan bahawa dengan penambahan yang besar ahli-ahli ini bukanlah bermakna Ahli-ahli Suruhanjaya ini akan diisi kesemuanya selepas pindaan ini. Pengisian

ahli-ahli hanya akan dibuat jika Suruhanjaya betul-betul memerlukan ahli-ahli sahaja. Oleh itu penambahan bilangan yang besar Ahli Suruhanjaya tersebut adalah bagi memenuhi keperluan Suruhanjaya pada masa hadapan, di samping mengambil kira pemansuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Cawangan Sabah dan Sarawak serta Suruhanjaya Keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disentuh salah satu pindaan Perkara 142 adalah mengenai sekatan kepada Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dari melibatkan diri dalam perniagaan atau organisasi-organisasi yang mendapat upah. Satu lagi pindaan ialah dengan mewujudkan Fasal baru 3A yang bertujuan membolehkan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya-suruhanjaya menjalankan kerja-kerja Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi oleh kerana bercuti ataupun sakit dan jika Timbalan Pengerusi juga tiada ada maka seseorang ahli yang lain bolehlah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi menjalankan tugas-tugas Pengerusi semasa jangka masa tersebut.

Peruntukan ini serupa dengan peruntukan bagi Suruhanjaya Pilihanraya. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa pindaan-pindaan kepada Perkara 142 ini adalah dibuat bagi menyeragamkan peruntukan-peruntukan yang ada mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Dengan adanya pindaan-pindaan ini sudah tentu Suruhanjaya-suruhanjaya dapat berjalan dengan kemas dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Perkara 149 adalah bagi membolehkan undang-undang dibuat dengan sahnya bagi perampasan harta yang telah dan sedang digunakan di dalam kegiatan subversif yang boleh merosakkan keselamatan negara tanpa menghiraukan Perkara 13.

Peruntukan perampasan harta itu adalah mustahak diadakan bagi menentang perbuatan subversif. Anasir-anasir subversif ini bukan sahaja membazirkan tenaga mereka, tetapi menggunakan segala hartabenda seperti wang ringgit, mesin-mesin cetak dan lain-lain bagi menjalan dan mengembangkan kegiatan sia-sia mereka.

Oleh itu harta-harta yang digunakan dalam kegiatan-kegiatan yang membahaya ini tidaklah harus dilepaskan begitu sahaja. Jika dibiarkan sudah tentulah harta-harta yang sama akan digunakan bagi mengembangkan kegiatan subversif mereka yang mengancam keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 150 melibatkan beberapa fasal. Tujuan yang pertama ialah bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong membuat perisytiharan darurat sebelum berlakunya peristiwa sebenar yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara. Yang kedua ialah bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan perisytiharan-perisytiharan yang berbeza dan selagi perisytiharan tersebut masih berkuatkuasa Yang di-Pertuan Agong boleh membuat ordinar-ordinan semasa kedua-dua Dewan tidak bersidang dan ordinar-ordinan ini berkuatkuasa sama seperti yang diluluskan oleh Parlimen. Di samping itu cadangan pindaan ini adalah bagi menentukan bahawa sebab-sebab Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat, Perisytiharan darurat dan kuatkuasanya serta ordinar-ordinan dan kuatkuasa ordinar-ordinan tersebut tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Takrif "sitting" juga dimasukkan di mana takrif "sitting" bagi perkara ini ialah semasa Dewan menjalankan urusannya. Oleh itu cadangan pindaan kepada Perkara 150 ini adalah bertujuan bagi memperkemas perisytiharan darurat dan ordinar-ordinan yang dibuat di bawah kuasa ini, yang mana ini sangat penting bagi keselamatan dan ketenteraman negara.

Kelemahan yang ada pada Perkara 150, adalah berpandukan kepada pendapat Privy Council semasa memutuskan kes Teh Cheng Poh, iaitu seorang banduan yang dikenakan hukuman mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Privy Council berpendapat bahawa apabila sahaja Parlimen dipanggil bersidang (sitting) ianya dianggap masih bersidang sehingga masa Parlimen diberhenti (prorogued) atau dibubarkan (dissolved). Oleh itu Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai kuasa Ordinar Darurat sehingga Parlimen diberhentikan atau

dibubarkan. Oleh itu tafsiran Privy Council ini akan menimbulkan kesulitan jika Kerajaan perlu mengambil tindakan serta merta demi keselamatan negara.

Adalah menjadi tugas utama bagi Kerajaan menjamin dan mengekalkan keselamatan dan ketenteraman negara setiap masa. Oleh itu sangatlah perlu bagi Kerajaan diberi kuasa yang luas bagi mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi maksud untuk mengekalkan keselamatan dan ketenteraman negara. Perisytiharan darurat adalah satu-satunya tindakan yang perlu diambil jika terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa jika tindakan yang berkesan tidak diambil dengan secepat mungkin besar kemungkinan akan berlaku huru-hara di dalam negara yang akan melibatkan pengorbanan nyawa dan kehancuran harta-benda orang-orang yang tidak berdosa. Maklumat-maklumat seperti itu tidaklah bijak dikemukakan di mahkamah atas sebab-sebab keselamatan. Oleh itu sangatlah penting perisytiharan darurat tidak boleh dicabar di mahkamah. Di samping itu adalah sangat penting dimasukkan peruntukan yang membolehkan perisytiharan darurat dibuat sebelum terjadinya pertumpahan darah dan negara diancam oleh peristiwa-peristiwa sebenar yang tidak dapat dielakkan jika tindakan yang berkesan tidak diambil dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Jadual Kesembilan adalah bertujuan bagi memasukkan perkhidmatan bomba negeri-negeri Sabah dan Sarawak di bawah bidangkuasa Persekutuan.

Seperti yang dimaklumi, perkhidmatan bomba di negeri-negeri di Semenanjung telahpun diletakkan di bawah bidangkuasa Persekutuan. Oleh itu pengambilan-alih ini adalah selaras dengan langkah-langkah penyatuan seluruh perkhidmatan bomba di bawah bidangkuasa Persekutuan. Dengan adanya penyatuan ini bukan sahaja membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi grant kepada jabatan-jabatan bomba di negeri tersebut tetapi juga dapat menyelaraskan latihan-latihan dan lain-lain aspek yang meninggikan kecekapan jabatan bomba, dijalankan juga di negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan kepada Jadual Kesepuluh adalah bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan memberikan pemberian dalam bentuk pemberian mengikut bilangan orang dan pemberian jalan negeri yang adil dan lebih besar lagi kepada negeri-negeri. Dengan mengambil kira ramalan pertumbuhan penduduk tahunan, Kerajaan Persekutuan akan dapat memberi grant lebih banyak setiap tahun kepada tiap-tiap negeri. Ini berbeza dengan peruntukan yang ada sekarang yang semata-mata berdasarkan banci penduduk yang lepas yang mana banci tersebut diadakan sepuluh tahun sekali.

Begitu juga dengan memberi definisi baru akan tahun asas yang dikira bagi pemberian jalan negeri akan membolehkan negeri-negeri mendapat grant jalan yang lebih besar. Di samping itu adalah lebih adil kepada negeri-negeri pemberian grant jalan ini dikira sebagai kos purata di negeri tersebut. Dengan ini tidak akan timbul pembahagian yang tidak samarata kepada negeri-negeri yang menghadapi kos pembangunan jalan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Seksyen 42 dan 43 Akta A354 adalah bagi membolehkan perkataan-perkataan yang dipinda itu digunakan dengan tepat. Dengan ini perkataan "Governor" dan "Governors" di Seksyen 42 dipinda dengan perkataan "Yang di-Pertua Negeri" dan "Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri" di mana sahaja perkataan tersebut ujud di dalam Perlembagaan. Begitu juga perkataan "Borneo States", "A Borneo State" dan "Each Borneo State" di Seksyen 43 dipinda masing-masing dengan perkataan "States of Sabah and Sarawak", "The States of Sabah and Sarawak" dan "Each State of Sabah and Sarawak".

Tuan Yang di-Pertua, sukalah dinyatakan bahawa pindaan Perlembagaan pada kali ini walaupun boleh dikatakan besar, tetapi pindaan-pindaan pada kali ini adalah lebih tertumpu kepada isu-isu memperkemas pertadbiran.

Cadangan-cadangan pindaan-pindaan perlembagaan ini tidaklah dibuat dengan tergesa-gesa dan sewenang-wenangnya sahaja kerana pindaan-pindaan ini telah dikaji

dengan teliti dan mendalam serta mengambil masa yang panjang. Akhirnya sukalah ditegaskan bahawa pindaan-pindaan ini adalah dibuat selaras dengan peredaran masa demi kepentingan dan keselamatan negara, negeri dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.07 ptg.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang yang pertama untuk bercakap. Saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan meminda Perlembagaan Malaysia yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad, sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang telah dibacakan oleh Dato' Seri di dalam sepanjang mengemukakan pindaan yang dibuat itu pihak saya adalah menyokong. Walaupun setengah-setengah tempat di dalam pindaan ini adalah mengenai kepada Ahli-ahli Dewan ini sendiri, tetapi demi kepentingan negara, demi kepentingan bangsa kita terpaksa saya menerima dan menyokong seumpama lama tempoh perkhidmatan Ahli-ahli Dewan Negara.

Daripada pindaan-pindaan yang dibuat ini, saya nampak sangatlah menasabah dan cukup wajar. Selama 24 tahun Perlembagaan Malaysia telah diasaskan, maka sudah tentu banyak sangat perkara-perkara yang telah ketinggalan masa ataupun perkara-perkara yang patut dipersesuaian dengan keadaan masa. Tetapi walau macam mana sekali pun, pindaan kepada Perlembagaan bukanlah sama seperti pindaan kepada mana-mana undang-undang. Kalau kerap kali atau

terlampau banyak pindaan-pindaan dibuat kepada sesuatu perlembagaan, maka ini mendatangkan pandangan yang kurang baik sama ada di dalam negara sendiri ataupun kepada negara luar, kerana apa yang kita lihat banyak berlaku di dalam dunia ini, negara-negara yang telah meminda Perlembagaan negara masing-masing, bahkan ada negara-negara yang membatalkan langsung. Itu terpulanglah kepada keadaan masa dan kepada suasana negara itu sendiri. Umpamanya, negara Pakistan, kita telah melihat bukan sahaja perlembagaan negara itu dipinda tetapi setiap kali pemerintahan bertukar, maka Perlembagaan yang ada itu dibatalkan dan diadakan perlembagaan yang baru. Begitu juga di negara jiran kita iaitu Thailand dan lain-lain. Tetapi alhamdulillah, negara kita Malaysia selama kita telah mengadakan Perlembagaan negara dan kita telah merdeka selama 24 tahun perkara-perkara yang seumpama ini tidak berlaku, cuma yang berlaku ialah pindaan-pindaan di setengah-setengah tempat di dalam Perlembagaan. Maka perkara ini adalah perlu, tetapi saya tidaklah mengetahui dengan jelasnya pindaan-pindaan yang dibuat ini, adakah dibuat berdasarkan cadangan daripada Peguam Negara ataupun pihak Kehakiman sahaja, kerana apa yang "dibacakan" oleh Yang Amat Berhormat pembawa usul tadi dan dicatatkan di dalam Perlembagaan, Undang-undang ini. . . .

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** On a point of order. "Diucapkan" oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, untuk pengetahuan Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** "Diucapkan". Terima kasih kepada sahabat saya kerana sangat mengambil berat. Apa yang diucapkan tadi mengandungi berbagai-bagai perkara, jadi saya kurang pasti macam mana perkara ini boleh berlaku, sebab itulah saya fikir, kalau sekiranya pada masa yang akan datang tentulah Perlembagaan kita banyak lagi tempat-tempat yang akan dipinda untuk disesuaikan dengan undang-undang yang ada di dalam negara kita. Kalau sekiranya orang perseorang sahaja yang melihatkan di dalam Perlembagaan ini maka banyak lagi, . . .

acapkali Perlembagaan kita ini akan dipinda, sebab itulah saya berfikir dan bercadang kalau sekiranya boleh pihak Kerajaan mengadakan satu Jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa Kabinet. Tujuan Jawatankuasa ini semata-mata untuk mengkaji apa yang ada di dalam Perlembagaan itu untuk dipersuakan dengan undang-undang yang ada itu.

Pada masa yang akan datang bolehlah ditambah lagi di dalam Perlembagaan itu ataupun dihapuskan Fasal-fasal yang ada sebagaimana yang dibuat pada kali ini, tetapi Jawatankuasa ini kerjanya hanyalah hendak memindahkan Perlembagaan. Kalau sekiranya cadangan saya ini dikemukakan, barangkali pihak Kerajaan akan menjawab bahawa perkara ini sudah tidak ada lagi, memang sudah cukup dengan pindaan yang ada—itu benar. Setakat yang ada pada hari ini betullah tidak ada lagi, tetapi kalau sekiranya satu Jawatankuasa khas diadakan maka bolehlah tiap-tiap Jabatan, tiap-tiap orang dan tiap-tiap individu boleh mengemukakan apa-apa cadangannya kepada Jawatankuasa ini untuk pertimbangannya. Misalannya saya sehingga hari ini sebagai seorang Islam di dalam Dewan ini sampai sekarang masih lagi di dalam hati kecil saya merasa ragu-ragu, iaitu Ahli-ahli Dewan yang mempunyai hak bersuara dan mengundi di dalam Dewan ini apa-apa perkara yang berhubung dengan agama Islam adakah ahli-ahli yang bukan beragama Islam itu berhak mengundi ataupun tidak. Kalau sekiranya sebagaimana yang ada sekarang ini, saya fikir kurang wajar—itu pendapat saya. Jadi patutlah Perlembagaan ini dipinda lagi di dalam perkara ini iaitu memberi kuasa dalam perkara-perkara yang khas mengenai agama Islam yang dicatatkan di dalam Perlembagaan ini, iaitu Ahli-ahli Dewan ada kuasa mengundi dan undi itu hanyalah diberi kepada orang-orang yang beragama Islam. Itu satu daripadanya.

Barangkali ramai lagi sahabat-sahabat saya yang ada mempunyai perasaan sebagaimana yang saya rasa dan begitulah juga Ketua-ketua Jabatan dan juga orang-orang perseorangan dan sebagainya, sebab itulah saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan mengadakan satu Jawatankuasa Kabinet yang khas untuk meminda Perlembagaan ini. Oleh kerana perkara ini sudah dibawa di dalam

Dewan Rakyat, perkara ini telahpun dibacakan sekejap tadi dan semua orang telah membacanya. Jadi saya tidaklah hendak bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja dan saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan saya menyokong sepenuhnya di atas pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak.

4.15 ptg.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa ghairah menyokong Bil ini atas dua pandangan.

Pertama, keghairahan saya ialah kerana pada masa Dewan-dewan yang lepas telah diperkatakan keanggotaan Suruhanjaya Fasal 132 dan juga kuasa-kuasa yang sepatutnya dipinda terutama perkara yang persaingan dengan Sabah ataupun Sarawak mengenai Perkhidmatan Awam.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam masa mengusulkan pindaan ini telah mencatat sebahagian dari apa yang ditegur oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini tempoh hari.

Yang keduanya, langkah-langkah segera hendaklah diambil bagi mempersekutukan jawatan-jawatan yang sama dengan Persekutuan yang ada di Persekutuan ini. Umpamanya, Perkhidmatan Bomba dan lain-lain, dan ini merupakan satu perkembangan yang baik, merupakan satu keadaan yang patut digalakkan pada masa hadapan ini oleh Kerajaan kita supaya tidak timbul perasaan kedaerahan yang berpanjangan di dalam atau kepada sesebuah negeri.

Yang ketiga, ghairah saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana pindaan ini dibawa kerana tidak ada sebarang badan Mahkamah atau Kehakiman yang boleh mencabar kewibawaan perisytiharan darurat yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, apabila pada fikirannya, pada hematnya akan berlaku atau telah berlaku sesuatu keadaan yang perlu wujudnya perintah segera daripada Baginda.

Sepatutnya tidak akan berulang lagi kejadian bagaimana kes Teh Cheng Poh yang dibawa semula ke perbicaraan melalui Badan Perhakiman negara kita kerana ditolak oleh Privy Council. Jadi dengan kesedaran, kecabaran itu timbul, perubahan telah dibuat maka dizahirkan di Dewan ini dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan. Perkara ini patut diberi tahniah kepada Kerajaan.

Dua keghairahan inipun saya rasa dengan bangganya saya menyokong Bil ini walaupun had umur khidmat saya ada kira-kira sama dalam Bil ini—itu tidak akan menjadi masalah. Pindaan kepada had Ahli Dewan Negara ini kepada dua penggal juga pada fikiran saya yang cetek tidak perlu diperundangkan, sebab Perlembagaan kita akan dibaca bukan sahaja oleh rakyat negara ini, tetapi akan dibaca oleh segala rakyat, Kerajaan seluruh dunia, akan ceteknya Dewan ini, hanya dua penggal—selama 6 tahun. Walaupun hasrat Kerajaan bersungguh-sungguh hendak memasukkan ahli professional, ahli cerdas pandai, cendekiawan, ahli yang berkalibar mengambil tempat, tetapi apabila diperundangkan dalam Perlembagaan bermakna satu paksaan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, niat dengan amalan itu pada masa-masanya boleh kita asingkan walaupun pada satu ketika niat dan amalan itu mungkin sama. Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, ramai orang tidak bersetuju; bukan tidak bersetuju 2 penggal itu, tidak dipersetujui diperundangkan 2 penggal itu, tercatat dalam Perlembagaan dan yang perlu mesti diubah pada masa yang akan datang dan perkara ini boleh dipertanggungjawabkan kepada pemimpin dan Kerajaan dengan jalan peribadi. Tidaklah saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, adakah undang di sebalik batu pindaan ini dizahirkan kerana Speaker Dewan Rakyat juga telah menempuh 2 penggal dan akan berakhir 2 penggal. Apakah ini menjadi satu pandangan atau ingin menolak yang lama dan mengambil yang baru? Tidak baik buruk sangka, Tuan Yang di-Pertua, tetapi memperinci pandangan, memperdalam fikiran perlu dibuat, menganalisa satu-satu perkara.

Saya kasih kepada Kerajaan, apatah lagi parti Kerajaan yang memerintah sebab saya seorang daripada pengasas parti dalam tahun

1946 pada umur 22 tahun dan saya tidak hendak parti pemerintah yang ada ini akan dikecam, berubah daripada satu ketika kepada satu ketika, berubah daripada satu pengkalan kepada satu pengkalan, ibarat sebuah kapal belayar mengikut angin dan badai.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya, apakah tidak eloknya Tuan Yang di-Pertua sekarang maka diperuntukkan satu undang-undang di mana Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak boleh menceburi badan-badan, mengikut yang ada sekarang, yang boleh mendapat ganjaran kecuali badan-badan sukarela.

Tuan Yang di-Pertua bukan seorang yang menjalankan undang-undang, berbeza dengan Menteri sebab Menteri mempunyai kuasa memutus, boleh meluluskan lesen teksi dan sebagainya, meluluskan orang-orang tahanan, memberi satu kedudukan yang baik, semua Menteri boleh buat. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh buat apa-apa, cuma mengawal saya supaya bercakap jangan panjang, tidak lebih daripada 20 minit umpamanya menetapkan perbahasan Perlembagaan ini selama satu hari sahaja. Tuan Yang di-Pertua tidak terlibat di segi kewangan. Mengapa syarat-syarat ini perlu diwujudkan kepada Yang di-Pertua Dewan dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan kepada kedua-dua Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya, setelah 3 bulan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kedua-dua Dewan ini atau Yang di-Pertua Dewan Negeri tidak melepaskan jawatannya sebagai Pengarah sebuah syarikat kewangan atau satu-satu badan atau satu-satu perkara yang bersangkutan ada faedah kewangan atau tidak baginya; selama 3 bulan jika tidak dizahirkan, bahkan digugurkan sendiri dengan syarat. Takdirnya dia berhenti selepas 28 hari, adakah dia berhak mendapat persaraan sebab dalam Artikel ini tidak ada. Saya fikir ia berhak mendapat saraan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalan Yang di-Pertua Yang di-Pertua Dewan

Rakyat atau Speaker Dewan Rakyat sebab selepas 3 bulan jikalau dia tidak menyelesaikan masalah ini menggugurkan semua sekali, dia akan digugurkan. Jikalau belum sampai 3 bulan dia meletakkan jawatan, adakah dia berhak mendapat pencen, faedah persaraannya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan-dewan Negeri? Saya mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini supaya tidak ada keraguan atas kedudukan ini pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rezab Melayu, saya bersetuju dengan pandangan dan ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah menjaga hak Melayu kerana pada masa ini berlaku penyelewengan Melayu kepada bukan Melayu dan ini menyebabkan berlawanan dengan syarat yang terkandung dalam Rezab Melayu. Akan tetapi saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menimbang tanah Rezab Melayu ini kalau digunakan oleh Kerajaan, diambil oleh Kerajaan mengikut Perlembagaan ini diganti dengan keluasan yang sama di tempat-tempat lain. Bolehkah Kerajaan memberi pandangan ekonomi tanah itu sudah berlain, mutu harga tanahnya berlain, tanah di dalam bandar umpamanya diambil oleh Kerajaan di dalam Rezab Melayu, harganya kira kaki, kira inci tetapi oleh sebab kepentingan Kerajaan, kita mengambil tanah Rezab Melayu diganti dengan keluasan yang sama. Adakah ini tidak merugikan Melayu, Tuan Yang di-Pertua? Kalau ini merugikan, saya faham Perlembagaan juga perlu dipinda sedikit iaitu perkataan 'yang sama' itu hendaklah diubah kepada 'terpulang kepada budibicara Kerajaan pada waktu itu', kerana kalau mengikut Perlembagaan yang ada sekarang ini ia mesti mendapat tanah yang sama. Jikalau sekiranya dia hilang 5 ekar atau 2 ekar atau 1 ekar di bandar dengan harga yang tinggi Kerajaan akan memberi gantinya dengan 1 ekar yang sama bilangannya akan tetapi nilai ekonominya adalah berlain.

Inilah saya mohon Kerajaan menimbang di atas perkara ini dan kalau

boleh tidak akan merugikan pengambilan tanah Rezab Melayu oleh Kerajaan apabila melakukan satu-satu perancangan dan kemajuan yang akan dirancangan atau dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan menyokong dengan penuh pindaan Perlembagaan ini tetapi hanya berharap pandangan daripada Kerajaan atas apa yang saya sebutkan ini akan dapat ditimbang.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Jabatan Peguam Negara melalui Pesuruhjaya-pesuruhjaya Penyemakan Undang-undang akan mencetak Perlembagaan kita yang baru. Saya fikir Jabatan Cetak Kerajaan akan bersedia mencetak apabila Peguam Negara mempersetujuinya setelah disemak oleh Pesuruhjaya Penyemakan Undang-undang kerana Perlembagaan kita terutama sekali dalam edisi Melayu telah dicetak pada tahun 1970 oleh Jabatan Cetak Kerajaan dan pada masa ini sudah 11 tahun lamanya dan pindaannya telah banyak berubah. Dengan demikian saya merayu kepada Kerajaan terutama Jabatan Peguam Negara akan memberi keizinan setelah penyemakan undang-undang, kepada Jabatan Cetak Kerajaan supaya mencetak Perlembagaan ini terutama edisi Melayu dengan seberapa segera yang boleh kerana dalam tempoh 11 tahun yang lepas ini sudah banyak perubahan-perubahan pindaan yang sudah tidak termasuk dalam buku yang ada. Inilah rayuan saya yang akhir apatah lagi rayuan ini saya sampaikan bukan sahaja kepada Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya dapat menimbang cetakan Perlembagaan ini disegerakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Khalid.

4.30 ptg.

**Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan pindaan Perlembagaan ini saya sungguh mengalu-alukan beberapa perkara, satu daripadanya ialah dengan menambahkan bilangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

daripada 12 menjadi 30. Ini adalah memang wajar kerana meneliti bertambahnya jawatan-jawatan Kerajaan dari masa ke semasa yang telah berjumlah lebih daripada setengah juta.

Adalah satu perkara yang penting yang patut diperingatkan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini nampaknya pada masa yang lalu hanya menekankan masalah-masalah mengambil pekerja-pekerja bagi menjawat jawatan-jawatan Kerajaan pada hal fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah lebih daripada itu iaitu menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melihat kelicinan pentadbiran Kerajaan dan juga mengambil tindakan-tindakan disiplin di mana terdapat pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tugas mengikut apa yang telah ditanggungkan ke atas jawatan-jawatan masing-masing. Oleh itu saya berharap supaya dengan pertambahan bilangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini akan menjadi lebih cergas membantu Kerajaan bagi menjalankan pentadbiran yang bukan sahaja dapat melicinkan segala rancangan-rancangan Kerajaan tetapi juga dapat membersihkan daripada segala sikap yang tidak sepatutnya ada kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Yang kedua, pindaan ini ialah Perkara 10 mengenai dengan peruntukan kepada negeri-negeri mengikut bilangan penduduk. Saya rasa ini satu tindakan yang tidak begitu memuaskan dengan kerana pindaan ini ialah tentang bilangan penduduk sahaja, tidak menyebut tentang bilangan "rate" pada tiap-tiap seorang. Jadi bermakna bahawa pindaan tentang pemberian kepada tiap-tiap kepala tidak berubah semenjak tahun 1977 di mana disebutkan pada tiap-tiap 1,000 orang yang pertama \$20,000 dan selepas itu 150,000 orang \$10 dan 250,000 orang menjadi \$6, dan selepas itu mendapat \$3.

Kepada negeri-negeri yang mundur, kepada negeri-negeri yang miskin satu angka yang purata seperti ini tentulah tidak mendatangkan keseimbangan kepada kedudukan sesebuah negeri. Kita semua maklum setengah-setengah negeri di dalam Tanah Melayu ini dan juga sama ada di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak, setengah-setengah negeri mempunyai

kekayaan yang berlebihan lebih-lebih lagi sepertimana dapat pendapatan daripada hasil minyak dan sebagainya. Jadi kalau kekurangan perolehan negeri itu tidak dapat dicompensatekan daripada peruntukan-peruntukan Persekutuan maka tentulah kedudukan perolehan negeri itu tidak berubah walaupun pada masa ini telah diubah dari segi perhitungan penduduk.

Saya harap Kerajaan akan dapat memberi perhatian tentang kekurangan ini yang saya rasa amat penting yang mana Kerajaan-kerajaan Negeri yang kurang pendapatan adalah bergantung benar kepada perolehan-perolehan negerinya sendiri. Sepertimana di Trengganu dan negeri-negeri lain di Pantai Timur telah mendapat perolehan yang lebih tidak seperti negeri Kedah yang mana perolehannya semata-mata bergantung kepada hasil tanah dan hasil daripada bercucuk tanam dan saya harapkan supaya dapat disesuaikan keadaan ini supaya negeri-negeri tidak berasa begitu terkebelakang daripada negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Yang ketiga, yang akhir sekali, saya bersetuju dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Razak Husain mengenai satu perkara lain iaitu perkara Bahasa Kebangsaan yang pada hemat saya sudahlah tiba masanya bagi kita mengingatkan semula bahawa kalau kita mahu menjadi sebagai satu bangsa yang sama tinggi dan sama rendah dengan bangsa-bangsa lain kita mestilah mengutamakan bahasa kita tidak sepertimana yang disebutkan di dalam naskah ini iaitu naskah sahah di dalam bahasa Inggeris. Jadi telah banyak kita dengar daripada ahli-ahli bahasa kita yang menyebut yang sebenarnya kita tidak mempunyai kemahuan yang cukup untuk meninggikan taraf bahasa kita. Kalau kita mempunyai kemahuan yang cukup mungkin kita dapat mengatasi masalah ini lebih segera daripada apa yang dijangkakan.

Pada akhirnya, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

4.35 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan ini. Nombor satu saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan pindaan bagi Perkara 139:

“Perkara 139 Perlembagaan adalah dipinda:

(a) dengan memasukkan selepas sahaja huruf “(c)” dalam Fasal (1) huruf “(e)”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (1) Fasal (1A) baru yang berikut:

“(1A) Bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah meliputi—

(a) anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil bekerja dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;

(b) anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan ke perkhidmatan awam am Persekutuan; dan

(c) anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan-jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.”; dan

(c) dalam Fasal (4) dengan memotong perkataan-perkataan “Tertakluk kepada Perkara 146B” dan dengan menggantikan perkataan-perkataan

“dua belas” dengan perkataan-perkataan “tiga puluh”.

- (2) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan atau Perlembagaan Negeri Sabah dan Sarawak, mana-mana anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam mana-mana jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat, mengikut apa jua cara atau dalam apa jua bentuk, apa-apa pilihan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai telah memilih dan kerana itu ditukar atau dilantik menjadi anggota perkhidmatan awam Persekutuan”.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah dan memberi sejambak bunga kepada Kerajaan kerana membuat satu pindaan yang saya pandang sangat penting dan sangat-sangat mustahak dipinda perkara-perkara yang macam ini dijadikan pindaan nombor dua yang tersebut. Sebab apabila kita sebut Malaysia kita haruslah jangan lagi mengadakan semangat kengerian yang saya rasa memandang kepada suasana keadaan alam masa sekarang ini tidak patut lagi tumbuh semangat itu. Jadi dengan secara tidak langsung pindaan ini saya rasa satu pindaan yang berani, tegas dan nyata. Jadi berturut dengan pindaan ini juga saya rasa harus juga dimaklumkan dalam Akta ini dalam negeri-negeri takluk dalam Malaysia ini harus mematuhi apa yang terkandung dalam Perlembagaan yang dibuat oleh Pusat.

Secara tidak langsung saya hendak menyentuh dan hendak mengingatkan ada pertumbuhan yang kadangkala kita hairan iaitu sesebuah negeri dalam Malaysia ini membuat satu perhubungan walaupun perhubungan perniagaan, perhubungan perusahaan atau perhubungan dengan sesuatu bagi kemajuan negerinya dengan tidak setahu langsung Pusat. Negeri itu bersendirian membuat satu keputusan, terutama perhubungan negeri luar, dengan Kerajaan luar mana-mana dalam dunia ini saya rasa itu kurang waras sebab kita adalah satu dalam

Malaysia. Serupa jugalah ini tadi, kalau dalam negeri yang dipinda oleh Kerajaan, satu-satu negeri Malaysia membuat satu perbezaan yang nampak nyata, ini harus kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh lagi yang baru ini saya rasa dipandang nampaknya kecil, baik dan berguna tetapi saya rasa was-was kalau kita mentaati Malaysia kepada Pusat. Misalnya, sebuah negeri yang baru ini telah mengisytiharkan dia membuat lagi satu rancangan konkrit dalam bahagian agama, dalam rancangan lima tahun misalnya secara bersendirian tetapi sebenarnya mengikut Perlembagaan kita agama adalah satu diperjuangkan oleh Pusat dengan hebat dan di Pejabat Perdana Menteri sendiri mengadakan Menteri Tak Berpotfolio untuk menjaga hal agama ini pada keseluruhannya secara umum dalam mempertinggikan agama. Jadi kalau sebuah negeri lain membuat bersendirian dalam satu-satu rancangan yang begitu, rasa saya ini juga sesuatu yang menyentuh Perlembagaan yang mungkin pada masa akan datang Akta ini akan dipinda lagi dan disesuaikan, sebab keseluruhannya kita adalah bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya hendak menyentuh walaupun telah disentuh oleh sahabat saya dua orang tadi berkenaan dengan tanah rezab orang Melayu ini. Walaupun perkara ini sudah disebutkan tetapi sebab saya memandang ini satu perkara yang sangat-sangat penting, sekali lagi saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana dapat mengingatkan semula hak asasi bumi dalam negeri ini supaya jangan kehilangan sesuatu yang sepatutnya dipertahankan ataupun hak perjuangan dalam masa kita hidup dalam dunia ini. Misalnya hak satu-satu bumiputra dalam tanah rezab orang Melayu (Malay reservation) ini memang wajar dibaiki dan dipinda, memang wajar dipelihara di sepanjang zaman mengingatkan hak asasi bumi dalam negeri ini. Saya hanya terkejut sedikit sahaja mengapa tidak dicatatkan atau dicatatkan dalam rezab Melayu ini hak-hak bumi dalam bandar-bandar kerana inilah yang sebenarnya amat diharapkan oleh ahli-ahli pejuang kita yang telah lalu dan yang telah pergi. Bukanlah tanah rezab orang-orang Melayu ini di kampung-kampung sahaja tetapi sebenarnya tanah-tanah di bandar. Saya

amatlah rasa ketinggalan sedikit kalau sepatutnya dicatatkan hak Melayu di paras kampung sahaja tetapi yang sebenarnya di bandar ini patut juga khas hak bumi Melayu itu dicatatkan dalam Perlembagaan kita ini terus diadakan kalau sudah hilang hak-hak itu.

Di sini saya teringat apa kata Sir Raja Chulan apabila Sir Clemente mengadakan Mesyuarat Persekutuan (Federated Malay States) dalam masa penjajah dahulu. Apabila Sir Raja Chulan menyebutkan hak bumi, hak negara Melayu, hak anak negeri, Sir Clemente telah menyebutkan kepada dia, apa dia Tengku? Clemente kata bagaimana hendak mengeneipkan ini, negeri ini sudah dibuka, sudah dibuat jalanraya, sudah didirikan bangunan-bangunan yang besar oleh orang yang bukan Melayu. Ini saya sebutkan yang benar-benar berlaku di masa itu akan diingat masa itu dan jangan dilupakan dalam hal itu. Apakah Sir Raja Chulan jawab? Hak bumi negeri ini sebagai hak bumi di mana juga bangsa dalam dunia adalah diakui oleh siapa sahaja, fasal bangunan didirikan beberapa banyak, beberapa jalanraya yang telah dibuat oleh orang yang bukan bumi, itu tidak bersabit. Dia kata, bolehkah saya bertanya kepada Tuan Gabnor? Apa pertanyaannya? Lupakah kalau orang-orang Melayu ini menyebut, ambil balik jalanraya, ambil bangunan-bangunan semua, kembalikan hutan-hutan, pokok kayu teras yang sepemeluk, dua pemeluk, kijang-kijang dan segala khazanah negara kepunyaan bangsa yang telah dimusnahkan dengan keadaan demikian. Ini menunjukkan hak bumi ini, hak rezab Melayu ini memang harus dijaga zaman berzaman dikekalkan, bukan sahaja di kampung-kampung tetapi di bandar. Adalah menjadi satu kesilapan pemimpin kita siapa sahaja kalau tidak mengingatkan balik, tidak menghadkan balik hak bumi, Hak Malay reservation ini di bandar-bandar kita, di seluruh bandar dalam tanahair kita ini mestilah dicatatkan dalam sejarah sebagaimana kata pesanan Sir Raja Chulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut juga fasal Ahli Dewan Negara. Saya hendak memendekkan ucapan saya. Saya menyokong penuh apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat supaya kita dapat

memilih pakar-pakar, ahli-ahli negarawan, ahli-ahli yang penuh faham dalam sesuatu secara khusus supaya menjadi Ahli Dewan Negara kita dapat dipilih 6 tahun. Itulah kebbaikannya yang harus kita adakah tempoh dalam masa 6 tahun, mengikut Yang Amat Berhormat satu masa yang sangat pendek tetapi harus dia dapat menumpukan usaha dia selama 6 tahun. Saya berfikir ini satu perkara yang mungkin baik diadakan, tetapi mungkin digelakkan oleh orang-orang dunia luar. Tetapi bagaimanapun, kalau kita fikir timbal balik, apa peduli kita kepada dunia luar, kita mahu peduli negeri kita sendiri, asal menjadi baik dalam negeri kita sendiri sebab jarang-jaranglah negeri-negeri demokrasi dalam dunia rasa saya hendak menetapkan sesuatu Ahli-ahli Dewan Negaranya, baik Dewan Rakyatnya, tempoh yang tertentu dia tidak boleh lebih daripada itu. Sebab mengikut fikiran yang waras, kejiwaan manusia bukanlah terhad kebbaikannya dengan satu-satu masa yang begitu pendek, dan begitu juga bukan terhad kebbaikannya itu dengan masa yang panjang tetapi saya bersetuju apa yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, perkara Ahli Dewan Negara dijadikan 6 tahun ini lebih baik tak payah disurat atau dijadikan Akta, tetapi itu adalah dalam pandangan pemimpinan-pemimpin kita sahaja yang lebih baik supaya lebih bermakna dan rasanya seorang dilantik dia akan juga merasa dirinya 6 tahun sahaja saya keluar bukan, itu yang kita maksudkan.

Yang sebenarnya Ahli Dewan Negara ialah menjunjung Perlembagaan Negara menjunjung usaha kita supaya kita dapat tumpukan kepada ketinggian jentera pentadbiran negara kita ini untuk menyelamatkan bangsa dan negara. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita juga ingin bertanya kalau Dewan Negara boleh dihadkan masa mengapakah Dewan Negara tidak boleh dihadkan masa sebab Ahli-ahli Dewan Rakyat itu kalau boleh kita pentingkan rakyat yang benar-benar, yang pakar, yang berwatak lebih cergas tetapi mengapa juga kadangkala mereka tidak boleh dihadkan dua atau tiga terus ataupun boleh terus selama-lama, selagi ada hayatnya. Itu misalnya. Tetapi walau bagaimanapun, itu terpulanglah kepada bapa pemimpin kita Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri yang kita kasihi, yang handal dan bijaksana pada masa yang akan datang menimbangkan apa yang saya katakan ini dengan niat yang khusus, bersih dan padu mempertahankan negara dan keutuhan walaupun Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat apa jua yang menjadi lambang negara kita ini.

Saya menyokong dengan penuh dan saya memandang pemimpin kita berani walaupun orang banyak mengkritik fasal apa selalu ubah. Kepada saya negeri yang muda seperti ini perlu diubah, selalu mahu diubah-suaikan dengan masa istimewa negeri kita ini ada berbagai-bagai kaum. Dalam Dewan ini pun kadang-kadang kita dengar macam-macam suara, kadang-kadang mengejutkan kita, kadang-kadang saya pandang, di luar kulit lain, dalam lain. Ini sebabnya perlu Akta ini dipinda. Saya tidak menentang Akta ini dipinda selalu; mengikut sejarah dunia, negeri-negeri yang membangun, mana ada Kerajaan yang tetap selamanya, tidak ada. Walau bagaimana besar empire Kerajaan dalam dunia ini bertukar alih dan disesuaikan dengan masa. Kepada saya meminda Akta ini adalah berani dan bijaksana. Negeri kita ini negeri yang paling ajaib di dalam dunia, ada berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai latak, berbagai-bagai pendapat, kadang-kadang kita pun terkejut. Kalau tidak ada satu Akta yang konkrit macam ini, memang susah kita hendak menjaganya. Saya memberi kepujian terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah meminda Akta ini dengan berani.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Salmah binti Sheikh Hussain.

4.52 ptg.

**Puan Hajah Salmah binti Sheik Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, Bismillahirrahmanirrahim. Kepada Allah saya mohon taufik dan kepada Allah saya mohon rahmatnya, amin!

Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan Negara, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga kali ini sungguh hebat dan penting bagi rakyat

negara ini dan bagi negara ini. Tetapi sayang yang hebat dan yang penting itu telah tidak diambil kira oleh Kerajaan dan telah dipandang sambil lewa oleh Kerajaan dan telah dikira oleh Kerajaan tidak ada apa-apa dan boleh sahaja terima dengan tidak perlu bahasan, pandangan dan fikiran. Dan satu pihak lain dan oleh orang-orang yang tahu dan faham dan oleh orang yang sentiasa mengikuti perkembangan negara dan oleh orang yang memandang serius, orang yang sentiasa mengikuti segenap langkah ini maka sudah tentu menganggap dan telah mengecapkan bahawa Dewan Negara ini adalah "rubber stamp" atau istilah Melayunya "getah cap" pakai terima sahaja. Kerana perkara penting dan perkara hebat ini telah saya katakan dibuat dengan masa yang amat singkat sekali dan waktu yang terbatas, apakah dengan masa sehari dua; yang tepat sekali sehari untuk mengupas kupasan yang bernas dan benar-benar berguna pada hari itu, dan dapat mengeluarkan fikiran yang tenang dan bernas demi kepentingan rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap benar-benar kepada pihak-pihak yang berkenaan dapat memikirkan perkara ini agar serius sedikit supaya kalimah-kalimah "rubber stamp" itu jangan jadi diperkatakan atau dipertimbangkan berulang kali oleh pihak-pihak yang sentiasa memandang serius terhadap Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara ini adalah Ahli-ahli yang bijak, dan banyak yang veteran, mereka semua boleh bercakap.....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila tujukan ucapan kepada pindaan Perlembagaan ini.

**Puan Hajah Salmah binti Sheikh Hussain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang hendak saya tujukan kepada yang dimaksud tetapi oleh kerana saya menerangkan sedikit ini sebab memikirkan kerana masa yang singkat sehari kepada kami ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harus tidak pergi banyak dalam masalah membahas pindaan Perlembagaan ini, kepada saya, tidak kira sama ada satu tempoh atau dua tempoh atau

tiga tempoh bagi seorang Ahli itu menjadi Ahli Dewan Negara tetapi yang saya kira dan saya kira penting ialah kebanyakan Ahli-ahli Dewan Negara ini mengikut lazimnya adalah terdiri dari ahli-ahli yang penting, veteran dan ahli-ahli fikir dan ahli-ahli pembangunan bagi keutuhan negara. Maka pandangan dan fikiran mereka adalah perlu. Sebab itu saya masuk dalam bahagian perbahasan ini dengan pengalaman mereka selama bertugas di dalam dan di luar negeri itu amat penting hendaklah kiranya Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak dikira satu penggal atau dua penggal. Janganlah dikira hendak beri atau hendak rasa sahaja dalam hal ini, tetapi hasilnya tidak mendatangkan manfaat kepada negara, sebagai memenuhi koram sahaja. Maka dalam masalah penetapan bilangan masa Ahli Dewan Negara ini itulah saya sêntuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masalah Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan Suruhanjaya Pilihanraya yang akan hilang kelayakannya sebagai Yang di-Pertua, kalau terlibat dalam pertubuhan atau perniagaan yang mendapat peruntukan. Saya mengalu-alukan. Memang telah kedapatan dan telah terjadi sehingga Dewan ini dijadikan pejabat bagi lain-lain urusan. Di Dewan telah berlaku tetapi saya kira ini telah terlambat pindaannya, patut lebih awal bagi perkara ini berlaku. Maka setelah menjadi jutawan, hartawan barulah kita mengadakan pindaan ini. Maka sebab itu saya alu-alukan pindaan ini.

Dewan Negeri juga, Kerajaan patutlah membuat arahan-arahan bagi pindaan ini jangan hanya sekadar Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara sahaja, bagi Dewan Negeri juga Kerajaan patutlah membuat arahan bagi pindaan ini. Saya tidaklah mahu pindaan Perlembagaan Negara kita dibuat pindaan setiap tahun atau setiap Perlembagaan negara ini dibuat pindaan, penggal kedua Dewan-dewan bersidang. Saya tidak mahu Perlembagaan ini luntur pada pandangan umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengikuti apa yang diberi oleh saudara-saudara Ahli Yang Berhormat tadi kepada perkara ini adalah memang penting iaitu berkenaan dengan tanah rezab Melayu. Saya kira kerana memandangkan masa depan rakyat Melayu

yang memang sentiasa menghadapi cabaran dalam negara yang sedang membangun sama ada pembangunan negara dan perkembangan penduduk, adalah tidak patut Kerajaan mengambil hak rezab Melayu yang diuntukkan itu meskipun ada cadangan menggantikan sebanyak mana yang diambil maka sebanyak itulah yang akan diganti kembali. Tetapi abikat pengambilan ini banyak merugikan orang Melayu sendiri sama ada di segi pembangunan sosial dan politik. Apa kata, kalau kawasan rezab itu berada di kawasan pengundian Melayu ramai, maka kawasan itu dibangunkan dijadikan bandaraya moden dan diisi dengan penduduk yang bukan Melayu maka kawasan politik Melayu yang pada hari ini akan juga turut sama terlepas bersama dengan hak istimewa 'rezab Melayu'.

Inilah yang saya tidak setuju. Selain daripada itu nilai harga tanah dan nilai kawasan tanah itu hendaklah dikira sama, dan adalah lebih baik kalau tanah yang akan digantikan itu tidaklah semestinya di puncak gunung atau di tengah hutan, sekurang-kurangnya biarlah diganti itu di pinggir kota di dalam kota atau di tepi jalan.

Maka saya berharap sekiranya Kerajaan terpaksa juga mengambil Tanah Rezab Melayu itu hendaklah dikira dan dihitung di segenap aspek nilai tanah, luas tanah, keperluan negara, keperluan Melayu, politik negara dan politik Melayu di masa akan datang. Maka dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan negara ini dalam perkara hak-hak istimewa Melayu ini yang pernah dibangkit-bangkitkan oleh kaum lain dalam negara ini pada masa-masa yang lalu telah dicabar dengan adanya undang-undang ini walaupun ini mustahak tetapi saya tidaklah dapat menyetujuinya.

Saya bersetuju kalau pengambilan itu digunakan oleh Kerajaan dengan peruntukan sepenuhnya dalam pengambilan bagi faedah dan kepentingan orang Melayu pada keseluruhannya, tidakkah diberi hanya Melayu sekian peratus dan bagi orang lain sekian peratus. Maka dalam hal ini juga, saya mahu tidak ada had Melayu dalam perkara ini, jangan dikira asal rakyat Malaysia sahaja. Maka mahunya biarlah peratus ini dapat diseimbangkan, di samping ugama dan

kebudayaan Melayu juga patut diperhatikan serta adatnya mestilah diadakan sepenuhnya.

Saya tidaklah mahu dipembangunan pengambilan Tanah Rezab Melayu itu—maaf ada kuil, ada tokong—saya mahu di dalam pengambilan tanah itu, biarlah lambang kebesaran Melayu, lambang kebudayaan, lambang kecantikan dan keaslian Melayu hendaklah menjadi daya utama atau teras diadakan di tanah pengambilan Rezab Melayu itu. Kalau ini dapat dipenuhi dan harapan ini dipenuhi maka saya bersetujulah tetapi kalau itu tidak dikira maka kepada saya adalah tidak dapat menyetujui sepenuhnya hasrat Kerajaan ini. Maka saya berharap sekali lagi perkara yang telah saya sentuhkan dapatlah dijadikan pengambilan tajuk utama dalam perkara pengambilan Tanah hak Rezab Melayu dan undang-undang dalam perkara ini hendaklah diadakan bagi memelihara pusaka dan hak yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan bagi orang Melayu walau penggantian tanah ada tetapi nilainya tidak sama dengan hak pusaka asal. Inilah yang saya perkatakan.

Berkenaan dengan lain perkara iaitu soal menambah Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Persekutuan/Negeri dan hilang kelayakan seperti yang telah tertera dalam pindaan Perlembagaan ini, saya tidaklah mahu mengulas panjang lebar kerana ini melibatkan jawatan Kerajaan. Walaupun demikian, Kerajaan sewaktu mengambil tindakan itu hendaklah dikira sebab-sebab maka terjadinya demikian. Adakah sebabnya diadakan atau secara tidak disengaja maka Kerajaan patutlah mengadakan satu badan petugas khas bagi menyiasat dan menyelesaikan perkara-perkara ini, baharu dapat Yang di-Pertua mengeluarkan arahan-arahan yang tertentu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perisytiharan darurat. Ini telah mencabar undang-undang dan telah mencabar demokrasi di mana terdapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan undang-undang darurat sebelum sebenarnya berlaku kejadian itu atau kemungkinan akan berlaku kejadian itu. Ini telah dibuat pada Kerajaan Negeri Kelantan beberapa tahun lalu. Saya rasa kalau tidak buat undang-

undang inipun kejadian ini telah berlaku dan dilakukan. Jadi saya kira undang-undang ini tidak perlu diadakan lagi. Tetapi oleh kerana kemungkinan akan berlaku lagi dan akan dilakukan lagi apabila keputusan pilihanraya Dewan-dewan Negeri akan datang maka kuasa-kuasa yang telah lalu itu melanggar undang-undang negara maka ini terpaksa dibuat lagi atau ditegaskan lagi supaya tidak lagi melanggar Perlembagaan negara.

Saya tidak mahu mengulas panjang berkenaan dengan perkara ini, kerana ini telah menjadi sejarah hitam yang telah dipahatkan di buku sejarah tanahair tetapi perkara yang menjadi rungutan atau perhatian umum dalam hal ini bila tercium atau teringat perkara yang akan menyentuh segolongan atau satu puak atau satu parti kalau tergugat atau akan tersingkir satu golongan atau parti maka akan dicarilah formula bagi mengatasi perkara itu walaupun pada mulanya haram dan melanggar peraturan. Maka oleh kerana hendak menegakkan ini maka dijadikan perkara yang mengadakan undang-undang itu, undang-undang ini, dan kalau inilah tujuan undang-undang ini dibuat maka Perlembagaan yang begitu suci dan bersih, ikhlas dan diagong-agongkan itu telah menjadi luntur, dan akan menjadi luntur, telah menjadi kotor dan akan dikotorkan. Kerana hasrat-hasrat demikian, moga-moga perkara ini tidak akan berlaku demikian dan diagong-agongkan itu akan hilanglah nilai yang sebenarnya.

Akhirnya akan hilang kepercayaan kepadanya dan akan hilang kehormatan dan penghargaan kepadanya. Maka kerana niat yang tidak jujur dan ikhlas itu, dan rakyat akan memikirkan apa itu Perlembagaan. Kalau nampak ada muslihat, atau ada apa-apa pindaan, kita buat Perlembagaan, sahkan segera dan praktikkan segera; kenapa tidak dibuat undang-undang, orang yang akan membuat kacau, golongan yang mengadakan kekacauan sama ada perkumpulan institusi atau rombongan atau sesiapa sahaja yang terlibat dengan kekacauan itu dikenakan peraturan ataupun dibuat peraturan, tidaklah yang kena kacau sahaja dikenakan hukuman sedangkan gurila, kekacauan mendapat kemudahan dan kemewahan dan berada di puncak keriaan sesudah menginjak kawan-kawan.

Saya kira ini adalah tidak adil, berat sebelah. Maka dalam masalah ini janganlah kalau bayangannya ada kemungkinan berlaku, akan hampir berlaku kejadian maka perisytiharan darurat diadakan. Maka dalam hal ini perlu diingatkan kalau benar-benar undang-undang darurat ini diisytiharkan maka ia muktamad dan terakhir sekali dan tidak boleh dicabar atau dipersoalkan lagi, maka hendaklah difikirkan dengan lanjut dan selanjutnya biarlah perkara undang-undang yang hendak dilakukan—tindakan yang hendak dilakukan ini berlaku adil dan sewajarnya. Dengan kerana ketiadaan keadilan itu nanti maka tidaklah kita dapat sambutan perhatian umum yang akan memberi penghormatan kepada Perlembagaan yang suci murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan Perlembagaan bagi peruntukan mengikut kepala dalam masalah mengambil kira pertambahan penduduk sesuatu negeri pada tiap-tiap tahun bagi peruntukan jalan, tidaklah saya mahu ulas panjang atau banyak sekadar saya minta hari ini ialah jalan-jalan itu hendaklah diberi nama yang ada sangkutan dengan nama sejarah, kebudayaan yang berteraskan Melayunya. Janganlah kita biarkan demikian sahaja dan jalan-jalan pula yang masih menggunakan nama bekas penjajah hendaklah ditukar dengan seberapa segera. Maka sebagaimana di dalam pindaan Perlembagaan ini itulah yang dapat saya perkatakan walaupun banyak perkara-perkara yang penting yang dapat kira sama-sama Ahli Dewan ini membayangkan tetapi seperti saya katakan tadi itulah juga keadaan masanya. Sekian, terima kasih.

*5.10 ptg.*

**Tuan S. I. Rajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya tidak hendak bercakap panjang, hanya satu dua perkara sahaja.

Saya ingin mendesak Kerajaan untuk melantik berbagai-bagai Jawatankuasa di dalam Dewan Negara agar ianya sama dengan keadaan di Dewan Rakyat sementara memberi tempoh bagi seseorang menjadi Ahli Senator selama 6 tahun. Dewan Negara harus

mempunyai satu Jawatankuasa Rang undang-undang Kewangan sebagaimana yang terdapat di Dewan Senate Australia, kedua, Jawatankuasa Perlembagaan; ketiga, Jawatankuasa Kewangan dan Perbekalan dan lain-lain lagi di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak Kerajaan untuk mengemukakan satu Jawatankuasa Kehakiman Malaysia (Malaysian Judicial Council) sepertimana terdapat di House of Lords di England iaitu Judicial Committee of the Privy Council. Seseorang pegawai perundangan yang berkedudukan tinggi di negara ini hendaklah dilantik menjadi seorang Ahli Dewan Negara. Hakim-hakim kita yang telah bersara yang masih ada hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Dewan Negara sekiranya jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana yang disebutkan di atas ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak dan merayu kepada Kerajaan agar pindaan-pindaan kepada Artikel di dalam Perlembagaan haknya boleh dijalankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekiranya ianya benar-benar diperlukan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah dinasihatkan dengan sepenuh perhatian sebelum kuasa-kuasa ini diambil. Itulah sahaja, terima kasih.

*5.13 ptg.*

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk meminda Perlembagaan. Dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin membuat beberapa komen oleh kerana saya merasakan bahawa untuk Rang Undang-undang yang penting seperti ini kita di Dewan yang mulia ini harus memberi pendapat yang kita fikir perlu untuk membantu pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal mendengar salah seorang dari sahabat Senator saya yang telah secara tidak langsung merujuk kepada ucapan saya di atas Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong semasa upacara pembukaan Dewan.

Pada pendapat saya kita berada di Dewan yang mulia ini adalah juga sebagai ahli dari badan perundangan untuk menentukan bahawa undang-undang yang diluluskan adalah untuk kepentingan negara. Walaupun kita semua adalah Ahli-ahli Barisan Nasional dan Rang Undang-undang yang dibentangkan pada Parlimen mungkin telah diluluskan oleh Kabinet, tetapi ianya masih menjadi tugas kita untuk memberi komen-komen yang difikirkan perlu dan menarik perhatian Kerajaan pada perkara-perkara yang dirasakan mempunyai kepentingan kebangsaan, kecuali dengan adanya majoriti yang dipunyai oleh Barisan Nasional di kedua-dua Majlis Parlimen kita tidak mempunyai tujuan tertentu bertemu di Dewan yang mulia ini dan hanya menjadi tanda setem kepada apa yang mahu dilakukan oleh Kerajaan tetapi sebagai satu badan perundangan yang bertanggungjawab di dalam meluluskan undang-undang negara kita harus bertindak untuk memeriksa segala apa yang ingin dibuat oleh Kabinet di dalam kemampuannya sebagai badan eksekutif pihak Kerajaan. Kita mempunyai tugas di Dewan ini dan kita harus menjalankannya sama ada disukai oleh ketua-ketua politik kita ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang paling penting dalam Rang Undang-undang ini ialah peruntukan-peruntukan memindahkan Perkara 150 Perlembagaan. Di bawah pindaan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan satu perisytiharan darurat sebelum berlakunya kejadian sebenar yang mengancamkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada kemungkinan besar berlakunya kejadian yang mengancamkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa yang telah diberi Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah sungguh luas. Baginda boleh mengisytiharkan darurat walaupun kejadian itu belum berlaku dan di bawah Fasal baru (8) diperuntukkan bahawa rasa puas hati Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (1) dan Fasal (2B) tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Apakah akan terjadi sekiranya kejadian ini tidak berlaku selepas

perisytiharan dikeluarkan. Mungkin kejadian ini tidak akan berlaku tetapi perisytiharan itu berterusan dan apakah masih tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Tidak ada peruntukan di dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk Perkara 150 yang membuat peruntukan untuk kemungkinan ini. Saya rasa sejajar dengan prinsip-prinsip keunggulan Parlimen sebagai badan perundangan yang tertinggi di tanahair perlu diadakan peruntukan yang memperuntukkan bahawa sekiranya kejadian yang mengancamkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam negara tidak sebenarnya berlaku dalam satu tempoh setelah perisytiharan darurat dibuat, maka perkara tersebut haruslah dipertimbangkan kembali oleh kedua-dua Majlis Parlimen dan Parlimen boleh jika dirasakan bahawa ada kemungkinan besar berlakunya kejadian itu melanjutkan perisytiharan itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keputusan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah, saya merasakan bahawa Yang di-Pertuan Agong haruslah mensenaraikan sebab-sebab keputusan yang membinakan perisytiharan itu kepada Parlimen untuk dibahaskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen seberapa cepat yang dapat dijalankan selepas perisytiharan itu dikeluarkan. Jika Parlimen tidak bersidang ketika itu maka Yang di-Pertuan Agong haruslah memanggil persidangan Parlimen secepat yang mungkin. Dari segi ini saya merasa kesal kerana didapati bahawa tugas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil persidangan Parlimen yang telah diperuntukkan di bawah Perkara 150 (2) yang ada kini telah dipersingkirkan dan digantikan dengan Perkara 150 (2B) yang baru. Malah sekarang tidak ada peruntukan untuk memanggil persidangan Parlimen selepas perisytiharan darurat setelah pindaan-pindaan ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin penjelasan ialah di atas Perkara 150 (2c) yang baru. Perkara ini memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dengan kuasa-kuasa untuk

mengisytiharkan apa-apa ordinar yang mempunyai kuasa undang-undang apabila Baginda merasakan adalah perlu bagi Baginda untuk mengambil tindakan segera di bawah Perkara 150 (2b). Perkara 150 (2c) seterusnya memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong termasuk, saya bacakan:

“... berhubung dengan apa-apa perkara yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya, tidak kira acara perundangan atau lain-lain acara yang dikehendaki, atau bahagian dari jumlah undi yang dikehendaki diperolehi, dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.”

Tuan Yang di-Pertua, apakah ini bermakna bahawa selepas pindaan ini dikuatkuasakan, Duli Yang Maha Mulia boleh juga meminda Perlembagaan tanpa sesuatu pindaan itu melalui keperluan majoriti 2/3 di kedua-dua Majlis Parlimen. Sekiranya benar, ini merupakan satu alat yang sungguh berpengaruh di tangan pihak executive tetapi sekiranya tidak, maka saya merasakan bahawa adalah penting suatu penjelasan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sebuah Parlimen yang baik, dengan meluluskan pindaan-pindaan ini, kita sebenarnya memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memerintah tanpa Parlimen dan sesungguhnya akan mengenenpikan Parlimen sama sekali jika hak-hak di bawah Perkara 150 (2c) dilaksanakan dan Perlembagaan dipinda selepas perisytiharan darurat. Dengan sebab-sebab itu kita memberikan kuasa kepada executive untuk memerintah tanpa demokrasi berpalimen jika wujud ancaman kepada keselamatan atau kehidupan ekonomi atau peraturan awam negara. Sekali pun hal ini mungkin tidak akan berlaku, kita bersedia untuk menjadi baik, sebab kita telah memberi mandate kepada Perdana Menteri dan Kabinetnya untuk membentangkan undang-undang ke Parlimen dalam demokrasi berpalimen kita dan kita di dalam Barisan Nasional haruslah menyokong undang-undang itu apabila ia dipindahkan. Kita mempunyai kepercayaan yang penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinetnya dan berdasarkan sejarah negara kita dapat dilihat bahawa Kerajaan kita selalu

memegang teguh kepada prinsip-prinsip demokrasi berpalimen. Sekalipun dalam masa dua kali yang pertama perisytiharan darurat dibuat, Kerajaan masih memerintah secara berpalimen dan tidak ada seorang pun boleh menafikan akan kejujuran dalam masa dua tahun selepas kejadian Mei, 1969.

Saya tidak tahu adakah mana-mana negara lain sama ada negara maju atau membangun yang mempunyai kesan-kesan rekod seperti yang kita perolehi. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dalam ucapan beliau pada tahun lalu bahawa orang datang dan pergi, dan pemimpin-pemimpin juga datang dan pergi. Kita di Dewan ini juga mempunyai kehidupan yang terhad. Ianya akan menjadi lebih terhad setelah pindaan-pindaan Perlembagaan ini diluluskan.

Walaupun bagaimanapun undang-undang yang kita luluskan akan kekal di dalam buku-buku Statute sehingga satu masa yang lama walaupun kita telah dilupakan. Jadi kita mempunyai tugas yang lebih mendalam untuk memerhatikan bahawa kita akan membuat setakat mana yang kita boleh untuk memelihara dan melindungi prinsip-prinsip demokrasi berpalimen. Kita akan gagal di dalam tugas kita jika kita tidak menunjukkan kepada Kerajaan tentang kebimbangan-kebimbangan yang orang ramai mungkin ada apabila telah diberi kepada cawangan executive Kerajaan melalui Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kuasa-kuasa yang begitu luas. Kita tidak mahu menjadi hanya satu tanda setem dan kita tidak mahu generasi-generasi akan datang mengatakan bahawa kita yang berada di Parlimen hari ini telah gagal di dalam tugas kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dari konteks ini saya membuat komen-komen ini dan saya berharap Kerajaan akan menerima komen-komen ini di dalam semangat ianya dibuat.

5.23 ptg.

**Dato' Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Perlembagaan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh hanya beberapa perkara dalam pindaan ini. Pertama ialah mengenai perkataan Borneo States yang dipinda kepada State of Sabah dan State of Sarawak. Ini adalah kena pada tempatnya bahawa Perlembagaan negara kita telah benar-benar mencerminkan dua buah negeri di Pulau Borneo iaitu Sabah dan Sarawak itu adalah negeri di dalam Malaysia.

Menurut pandangan saya perkataan Borneo States itu adalah negeri-negeri yang termasuk dalam kepulauan Borneo seperti Banjar Masin, Pontianak, Balik Papan dan Samarinda di Selatan Kalimantan. Maka dengan ini pindaan kepada State of Sabah dan State of Sarawak ini sejak wujudnya negeri itu menyertai Malaysia selama 18 tahun maka baharulah Sabah dikenali sebagai sebuah negeri dan demikian juga Sarawak sebagai sebuah negeri di dalam Persekutuan yang begitu luas iaitu Malaysia. Maka sebelum wujudnya Malaysia, Borneo States itu memang dikenali oleh dunia tetapi Borneo yang mereka maksudkan itu hanyalah sebuah pulau yang dikenali sebagai negeri "head-hunters", negeri orang pemotong kepala. Jadi apabila wujudnya negara Malaysia, maka State of Sabah dan State of Sarawak ini telah menjadi anggota di dalam Persekutuan Malaysia maka wujudlah satu bangsa yang pada satu ketika satu rumpun daripada keturunan bangsa Melayu. Maka dengan adanya pindaan ini adalah tidak dapat diragukan bahawa rakyat Sabah dan Sarawak merasakan kedudukan negeri itu di dalam Perlembagaan Malaysia adalah benar-benar seperti hasrat rakyat Sabah yang sebenarnya iaitu sebuah negeri dan bukanlah sebuah negeri di dalam Borneo yang belum dapat dipastikan di manakah negeri mereka itu yang sebenarnya di dalam perkataan Borneo States. Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa inilah perubahan kepada Perlembagaan yang benar-benar dapat dan mencerminkan kedudukan kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak di dalam Perlembagaan Malaysia dalam pindaan yang baru ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang Suruhanjaya Pilihanraya Sabah yang mana pindaannya adalah kepada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Ini juga dialu-alukan kerana Sabah

khasnya mempunyai tempoh pilihanraya yang berlainan daripada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang mana di negeri-negeri Semenanjung Malaysia pilihanraya Parlimen dan negeri adalah diadakan serentak manakala di Sabah hanya apabila pilihanraya Parlimen sahaja yang serentak dengan Pusat dan pilihanraya negeri adalah berlainan. Maka dengan ini, saya percaya dalam jangka panjang tidak ada terdapat rasa salah faham daripada setengah-setengah orang yang tidak berpuas hati apabila keputusan pilihanraya diumumkan misalnya, terutama sekali baru-baru ini bila mana Parti Berjaya telah memenangi 43 kerusi dan ini telah diragukan, mungkin oleh setengah-setengah golongan yang menganggap mungkin Suruhanjaya Pilihanraya ini telah melakukan penyelewengan. Maka dengan adanya penyatuan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia ini adalah menunjukkan betapa luasnya khidmat Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita ini benar-benar mengendalikan pilihanraya itu secara menurut Perlembagaan yang sebenarnya tanpa sebarang penyelewengan. Maka dengan adanya penyatuan inilah saya anggap ini akan menjamin satu proses pilihanraya yang lebih bersih pada bila-bila masa di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya yang ketiga dalam pindaan ini ialah mengenai Tanah Simpanan Melayu, walaupun di negeri Sabah tidak terdapat perkataan Tanah Simpanan Melayu tetapi di negeri itu mempunyai satu cara tanah yang dinamakan Native Title iaitu Tanah Hakmilik Bumiputra. Jadi di dalam Perlembagaan ini yang mengandungi Tanah Simpanan Melayu sepatutnya perkataan ini juga meliputi perlindungan tanah milik Bumiputra Sabah dan Sarawak iaitu menjadikan satu dasar bagi perlindungan tanah-tanah ini kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak walaupun Tanah Simpanan Melayu mungkin tidak applied kepada Sabah dan Sarawak tetapi dasar tanah negara ini mestilah mempunyai keseimbangan antara Sabah dan Sarawak tetapi mungkin perkataannya berlainan iaitu di Sarawak mungkin juga menggunakan perkataan Tanah Simpanan Melayu atau Native Title tetapi di Sabah dinamakan Native Title iaitu tanah milik bumiputra yang juga tidak boleh dipindah milik kepada orang-orang yang

bukan bumiputra. Maka dengan itu, saya juga mengesyorkan supaya Perlembagaan negara kita ini dapat memberi perlindungan yang sama seperti Tanah Simpanan Melayu di dalam Perlembagaan kepada tanah-tanah milik bumiputra di Sabah dan Sarawak.

Sekian dan saya menyokong pindaan Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua.

5.29 *ptg.*

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dinamakan Aktá meminda Perlembagaan seperti yang telah diusulkan dan diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi tetapi sebelum daripada saya bercakap sepatah dua berkait dengan Perlembagaan ini, suka juga saya menyebut tentang apa yang telah disuarakan oleh sahabat saya yang bercakap di hadapan ini mengatakan kehairanan besar beliau tentang pindaan Perlembagaan ini, perubahan ini dibuat dari semasa ke semasa. Sebaliknya beliau takut bahawa Perlembagaan yang ada itu dicemar dan dikotorkan dan harus dipandang kotor katanya.

Saya tidak tahu bagaimana hakikat yang beliau kehendak, tetapi kalau sebagai seorang yang menganuti ugama Islam, sebagai seorang yang ada sedikit sebanyak ilmu pengetahuan dalam ugama Islam, hukum hakam yang diturunkan di masa dahulu pun adalah mengikut keadaan masa dari masa ke semasa, bukanlah Quran yang mempunyai sebanyak 6,666 ayat itu diturun dengan sekali gus, tambahan pula undang-undang yang berkait dengan pentadbiran, berkait dengan pertahanan, berkait dengan—minta maaf, minta izin, Muamalat, Mutharabat dan sebagainya diturun dengan sekali gus—tiga juga, bahkan diturunkan mengikut keadaan sama ada kejadian itu berlaku di Mekah ataupun di Madinah ataupun di mana-mana tempat di antara duanya barulah Wahyu itu datang kepada Junjungan, maka jadilah suatu undang-undang yang berkait dengan keadaan dan kejadian di waktu itu. Inilah yang saya sebut, saya tidak tahu seorang yang menganuti ugama Islam, mengetahui dan kononnya parti beliau berprinsipkan keugamaan Islam, tidak mahu terima pindaan-pindaan yang kita buat

mengikut keadaan masa dan zaman, itu saya tidak tahulah mengapa yang beliau berkata demikian.

Nampaknya dari apa yang telah dikeluarkan kata-kata bahawa pindaan terhadap Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya, Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Rakyat baru sahaja diubah setelah mereka itu menjadi ahli jutawan dan hartawan. Inipun satu perkara yang tidak menyenangkan fikiran kita mendengarnya, jadi seolah-olah terpaku di dalam fikirannya usahlah, apa gunanya mereka itu menjadi jutawan, apa guna mereka itu jadi hartawan ataupun boleh jadi dia menaruh satu perasaan yang saya hendak sebut “hasat dan dengki” terhadap orang yang telah mengumpul harta yang Allah telah beri rezeki kepada mereka itu mengikut keadaan dan masa, harus dan mungkin boleh jadi begitu agaknya.

Di akhirnya kita tidak dengar sama ada dia sokong atau tidak, tetapi alasan-alasan menyokong, sekiranya kalau Kerajaan mahu begini, sekiranya Kerajaan tidak mahu begitu, maka saya hendak sokong dan ini saya tidak sokong sepenuhnya, itupun menjadi persoalan dan tandatanya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, tinggalkan dahulu orang yang memikir sebegitu bagi kita memikirkannya. Saya faham bahawa kalau semua pindaan Perlembagaan yang bermula dari Artikel atau Perkara 42, 45, 52, 56, 57, 89, 114, 139, 142, 143, 149 dan 150 termasuklah pemansuhan Artikel 141, 146 (B) dan (C) dan pindaan Jadual Kelapan, Kesembilan dan Kesepuluh menunjukkan betapa ketaranya niat keikhlasan pemerintahan pusat yang memegang tampuk teraju Kerajaan sekarang ini. Kerana hendak mengekalkan keamanan negara, saya pecahkan kepada empat sahaja:

- (i) Hendak mengekalkan keamanan negara.
- (ii) Memelihara kepentingan hak asasi dan kepunyaan bangsa Melayu.
- (iii) Membersih dan memelihara keutuhan Dewan; dan
- (iv) Terus membantu dan menambah bantuan kepada Negeri-negeri.

Saya bawakan Artikel 150 yang memberi besar ertinya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sebagai unggul pemerintahan dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen benar-benar berkuasa di dalam negaranya demi untuk keselamatan kehidupan ekonomi rakyat dan ketenteraman umum dan Persekutuan seluruhnya. Artikel ini sudah pasti meletakkan sebagai satu benteng menyekat sesuatu kemaraan atau ancaman yang diduga ataupun di luar dugaan kemaraan yang akan membawa kepada porak-puranda rakyat jelata negara ini.

Pada asasnya, Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak mahu dan sesiapa pun tidak ingin hendak melihat negara ini dan rakyatnya berada di dalam keadaan kegelisahan, ketakutan dan ketiadaan ketenteraman. Tetapi tiada siapa pun yang boleh tahu bahawa perkara-perkara itu harus, boleh berlaku dan terjadi pada bila-bila masa sahaja. Dan kita tidak mahu selepas berlakunya anika ketakutan, ketiadaan keselamatan ataupun kehidupan ekonomi, maka barulah di waktu itu kita cuba hendak memanggil dan mengumpulkan setiap usaha dan tenaga untuk mencari jalan mencegahnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita hanya kecil dari segi keluasannya dan didiami oleh berbagai-bagai kaum dengan perkembangan berbagai anika yang kita lihat sekarang sama ada tumbuhnya di dalam negeri ataupun dibawa daripada luar negeri ke sini, sungguh membimbangkan kita, kerana walau bagaimana ketat kawalan sekalipun gejala porak-puranda itu pasti akan mempengaruhi jiwa dan fikiran kita dan jenerasi-jenerasi kita yang akan datang. Jenerasi kita itu pula tanpa selidiki dan mempelajari hal sebenar wujudnya negara kita ini, mereka akan terikut-ikut dan bertindak dan akhirnya menimbulkan huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan negara kita ini kecil dan didiami oleh berbagai-bagai kaum dan bangsa yang selama ini telahpun menunjukkan taat setianya kepada negara dan Rajanya. Maka apakah yang dipersoalkan oleh satu dua golongan tentang kuasa-kuasa yang akan diberi, kuasa-kuasa yang akan diserahkan oleh Parlimen ini kepada teraju pemerintahan kita itu yang selama ini

sudahpun diketahui pemerintahannya yang adil dan saksama.

Berbalik kepada Artikel 89, Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan kedudukan tanah rezab orang-orang Melayu telah banyak disuarakan dan kita juga dapat dengar tadi sahabat saya yang di hadapan ini mengatakan kalau Kerajaan dapat buat ganti tanah yang diambil itu di dalam bandar maka dia akan menyokong tetapi dia tidak mahu menyokong kerana dalam anggapannya bahawa Kerajaan akan membuat ganti tanah rezab yang diambil demi untuk kepentingan negara akan diganti diceruk-ceruk gunung kononnya, seolah-olah pandangannya sudah begitu sempit sekali memikirkan Kerajaan akan membuat ganti tanah yang diambil dengan harga yang begitu mahal akan digantikan dengan tempat yang begitu jauh dan dengan harga yang paling murah.

Di sini dapat kita lihat betapa pemikiran di antara kita yang ada ini memikirkan benda yang buruk-buruk, memikirkan benda yang orang tidak dapat memikirkan, jauh bezanya dengan apa yang dia sendiri memikirkan. Artikel ini pada pendapat saya, sudah sepatutnya dibuat lebih lama dahulu memandangkan sudah banyak tanah-tanah rezab orang Melayu diambil dan digunakan sama ada oleh persatuan-persatuan yang mulanya menunjukkan bahawa mereka telah dikanunkan sebagai badan orang Melayu dan akhirnya sudah dipusing alih menjadi cerita yang lain ataupun tanah-tanah rezab orang Melayu yang agak luas dibeli oleh orang-orang tengah sekadar menjual namanya, orang Melayu yang membeli tetapi orang lain yang membayar wangnya dan disebaliknya pula dibuat satu perjanjian tandatangan sekian-sekian lama kalau tidak dapat dibayar hutang maka hal ini akan dibawa ke muka mahkamah pengadilan dan akhirnya tanah itu akan diserahkan kepada orang yang bukan Melayu. Inipun telah banyak berlaku, saya tidak tahu di negeri-negeri lain tetapi di Kedah tempat saya tinggal banyak sudah tanah-tanah sedemikian telah diubah pindah, dialih daripada hak kepunyaan orang-orang Melayu dalam kawasan rezab orang Melayu tetapi oleh kerana orang Melayu yang menjadi. . . . (saya tidak tahu hendak cakap), membantu kepada orang lain dengan mendapat sedikit komisen dan sebagainya maka dia tergamak membuat perbuatan ini

dan akhirnya tanah itu sepertimana yang saya sebutkan telah berpindah kepada orang lain.

Akhirnya, bila saya ikut-ikuti mengenai dengan perlantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang akan diperbesarkan tenaganya sama ada hendak diisi atau tidak sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato Sri Dr Mahathir, tidaklah menjadi soal kepada saya tetapi yang menjadi harapan besar semoga ahli Jawatankuasa Suruhanjaya itu sepatutnya meliputi komponen-komponen ataupun kawalan tenaga-tenaga daripada mereka yang bukan sahaja intelektual daripada ilmu biasa tetapi harus diambil perhatian lebih terhadap mereka yang ada mempunyai sedikit sebanyak latar belakang ilmu pengetahuan agama dan seumpamanya kerana kerap juga kita menemui dalam pemilihan ini kadang-kadang ahli Jawatankuasa yang ada sekarang ini pernah bertanya kepada orang-orang yang datang bertemuduga soalan-soalan yang berkait dengan agama tetapi tidak berkait, tidak ada selari soalan-soalan itu ataupun tidak ada bersangkutan-paut dengan keadaan ilmu pengetahuan agama, misalnya benda-benda yang tidak secukup dengan perjalanan agama. Ini menunjukkan bahawa ahli itu bukan ahlinya yang boleh mempersoalkan kisah-kisah agama tetapi dia cuba hendak bertanya dan mungkin dengan sebab itu ahli-ahli yang harus dipenuhi dalam Jawatankuasa Suruhanjaya ini termasuk juga orang-orang yang mempunyai pengetahuan agama.

Akhirnya saya menuntut maaf dan dengan rasa penuh bertanggungjawab saya menyokong Akta yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

5.47 ptg.

**Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ali-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan pindaan kepada Perlembagaan yang telah dikemukakan tadi. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kerana umumnya Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong pindaan ini walaupun

ada beberapa pendapat yang menyoal kenapa pindaan ini telah dibuat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang pertamanya Yang Berhormat Senator Dato Haji Mahmoud Salim telah bercakap berkenaan dengan pindaan Perlembagaan yang dibuat kerap kali. Saya terpaksa mengaku bahawa pindaan ini nampaknya seolah-olah dibuat kerap kali. Sebenarnya Perlembagaan Amerika Syarikat yang sudah berusia 200 tahun pindaan telah dibuat sebanyak 25 kali. Sebaliknya di Malaysia ini walaupun usia kita cuma 25 tahun, kita telah mengadakan pindaan sebanyak 24 kali. Pindaan ini terpaksa dibuat kerana keadaan berubah dan kita tidak dapat tidak terpaksa membuat pindaan. Umpamanya, di antara pindaan yang dibuat kali ini ialah berkenaan dengan nama Gabenor Negeri-negeri.

Perkataan 'Gabenor' ini sudah tidak sesuai lagi dalam sebuah negara yang merdeka. Ianya berbau kolonial. Oleh kerana itu kita terpaksa meminda nama Gabenor itu kepada "Yang di-Pertua Negeri". Oleh kerana kita tidak suka meminda undang-undang terlalu kerap, kita tidak dengan serta-merta meminda Perlembagaan tetapi menunggu sehingga beberapa perkara yang perlu dipinda telah menjadi nyata sebelum kita membuat pindaan ini.

Kalau diperhatikan berkenaan dengan kes Teh Cheng Poh umpamanya, kes ini telah berlaku hampir 2 tahun dahulu tetapi kita tidak membuat pindaan sehinggalah sekarang apabila kita dapati bahawa jumlah perkara-perkara yang perlu dipinda ini telahpun meningkat kepada suatu tahap yang memerlukan kita membuat pindaan dan pindaan ini dibuat dengan cara yang cukup teliti. Walaupun demikian saya tidak boleh memberi jaminan bahawa kita tidak akan membuat pindaan lagi kepada Perlembagaan ini kerana mungkin keadaan akan berubah di masa akan datang dan pindaan terpaksa dibuat untuk menyesuaikan Perlembagaan dengan keadaan di dalam negara.

Perlembagaan ini adalah satu undang-undang yang hidup bukan undang-undang yang mati. Undang-undang yang hidup terpaksa diubah mengikut keadaannya. Kita

tahu bahawa di setengah-setengah negeri mereka tidak sahaja meminda Perlembagaan tetapi kadangkala mereka memansuhkan sama sekali Perlembagaan. Tetapi kita tidak berbuat demikian kerana kita menghormati Perlembagaan kita dan kita berharap jenerasi yang akan datang juga akan menghormati Perlembagaan ini dan cuma menghadkan diri mereka kepada pindaan sahaja dan tidak kepada memansuhkan Perlembagaan ini. Kita juga harus ingat bahawa Perlembagaan kita ini digubal bukan oleh diri kita sendiri tetapi oleh pakar-pakar dari luar negeri dan mereka menggubalkan undang-undang ini di waktu masa kita belum lagi mencapai Kemerdekaan.

Keadaan pada ketika itu amat berbeza sekali dengan keadaan yang terdapat sekarang dan tidak siapapun pada ketika itu dapat menyangka perubahan-perubahan yang pesat yang berlaku di dalam negara kita ini. Sebab itu dari masa ke semasa terpaksa kita mengadakan pindaan kepada Perlembagaan supaya keadaan di dalam negara akan sesuai dengan undang-undang yang kita gunakan untuk pentadbiran negara kita ini.

Pindaan ini bukanlah dibuat semata-mata kerana cadangan-cadangan yang dibuat oleh pihak Kehakiman ataupun pihak Attorney-General tetapi juga kerana kepentingan politik yang mana kepentingan politik ini ditimbang oleh pihak Kabinet dan Kabinetlah yang membuat cadangan-cadangan supaya Perlembagaan ini dipinda.

Ahli Yang Berhormat juga menyebut tentang perasaan was-wasnya terhadap hak orang-orang bukan Islam mengundi dalam Dewan ini, berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama Islam. Sebenarnya tidak ada perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama Islam yang dibahaskan dalam Dewan ini kerana Dewan ini tidak mempunyai mandat untuk membincang perkara-perkara berkenaan dengan agama Islam. Kuasa berkenaan dengan agama Islam ialah diletak kepada Raja-raja yang memerintah negeri-negeri dan Yang di-Pertua Agong, tetapi pihak Dewan ini boleh mengundi berkenaan dengan perkara peruntukan wang dan sebagainya yang mana peruntukan ini bukanlah soal agama tetapi soal kemampuan negara. Tidak patut timbul soal perasaan was-was tentang

perkara ini kerana tidak akan berlaku di dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato Haji Abdul Razak Husain telah menyebut tentang tidak perlunya had masa diperundangkan bagi Senator-senator. Mungkin Ahli Yang Berhormat sendiri tahu kenapa had masa ini terpaksa diperundangkan. Saya tidak begitu tertarik untuk menjelaskan kenapa had masa ini terpaksa dijadikan undang-undang kerana sebelum daripadanya agak sukar sekali untuk menghadkan masa ini kerana rayuan-rayuan dan sebagainya. Dengan adanya had masa ini maka tidak akan ada lagi rayuan supaya dipanjangkan sedikit tarikh memegang jawatan Senator ini kerana soal-soal kewangan dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah telah menyebut kenapa kalau dihadkan kepada Ahli Dewan Senet, tidak dihadkan kepada Ahli Dewan Rakyat. Ini sebenarnya untuk memberi peluang kepada Ahli Dewan Senet ini kalau sudah tiada peluang di dalam Senet ini masuklah ke Dewan Rakyat (*Ketawa*). Kalau mereka boleh dicalon dan mereka boleh meneruskan khidmat mereka di dalam Dewan Rakyat pula. Kadangkala kita juga berkehendakkan supaya Ahli-ahli Dewan Senet ini beredar daripada Senet kepada Dewan Rakyat kerana khidmatnya masih penting dan seperti Ahli Yang Berhormat sendiri sedar ada beberapa orang Menteri yang berasal daripada Dewan ini tetapi telah berpindah ke Dewan Rakyat supaya dia dapat meneruskan khidmatnya. Sebaliknya kalau kita menghadkan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat, kemungkinan ialah kita akan lihat Kabinet bertukar-tukar tiap-tiap 6 tahun sekali. Ini akan menimbulkan beberapa kesulitan; saya fikirilah, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak setuju!

Berkenaan dengan perkara yang disebutkan oleh Tan Sri Dato Haji Abdul Razak Husain juga iaitu kenapakah Yang di-Pertua Dewan dilarang daripada menyertai badan-badan perniagaan dan sebagainya kerana dia sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi apa juga perkara-perkara di dalam soal pentadbiran. Soalnya bukan soal kuasa tetapi soal kehormatan. Kadangkala apabila seseorang itu bertugas

sebagai ahli perniagaan dianya terpaksa membuat surat-surat rayuan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan kadangkala terpaksa mereka pergi berjumpa dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas yang mungkin pegawai yang dijumpanya itu terdiri daripada pegawai-pegawai yang rendah. Adalah tidak molek seorang yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara berbuat demikian. Walaupun perkara ini tidak berlaku dahulu, kita mengadakan peruntukan ini untuk mengelak daripada perkara-perkara seperti ini berlaku. Sebenarnya tujuan kita ialah untuk memelihara kehormatan Yang di-Pertua Dewan. Inilah sebabnya yang kita mengadakan peruntukan seperti ini bukan sahaja kepada Yang di-Pertua Dewan Negara tetapi juga kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Berkenaan dengan soal tanah rezab Melayu yang perlu diganti dengan tanah yang sama, memang ada cadangan supaya digantikan dengan tanah yang nilainya sama, bukan luasnya sama. Tetapi ini amatlah sukar kerana kalau kita hendak menentukan nilai yang sama, kemungkinan ialah kita terpaksa mencari satu kawasan yang berdekatan yang mungkin tidak ada di tempat-tempat yang tertentu. Oleh kerana itu kita akan mengganti dengan kawasan tanah yang sama luasnya dan seberapa yang boleh tentulah sama nilainya juga. Peruntukan ini dibuat dengan kerana amalan sekarang ini ialah apabila Kerajaan mengambil alih tanah rezab Melayu, mereka tidak menitikberatkan pengganti ini, jadi ada kalanya yang mana tanah rezab Melayu dikurang dan tidak ada gantian yang dibuat dan ini merugikan orang-orang Melayu, sebab itu kita memberi satu peruntukan yang memaksa supaya gantian dibuat dalam satu jangka masa tertentu.

Ahli Yang Berhormat daripada Sabah juga telah menyebut tentang keadaan di Sabah dan Sarawak. Saya berpendapat bahawa Ahli Yang Berhormat tidak harus khuatir berkenaan dengan keadaan di Sabah dan Sarawak kerana Undang-undang Negeri membuat peruntukan yang cukup untuk menjaga kepentingan-kepentingan bumiputra di sana, sebab itu dianya tidak disebut secara khas di dalam Perlembagaan ini.

Berhubung dengan perkara mencetak Perlembagaan ini dalam Bahasa Kebangsaan, ini akan diuruskan setelah mendapat pengakuan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat Senator Dato Haji Khalid telah menimbulkan tentang per capita grant kepada negeri-negeri. Pihak Kerajaan akan menambah per capita grant ini mengikut keadaan masa dan kita memang memberi perhatian kepada perkara ini.

Satu perkara yang lain disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Haji Khalid ialah berkenaan dengan peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, iaitu kawalan dan tindakan tatatertib. Sebenarnya memang ini menjadi sebahagian daripada tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi kita tidak begitu membuat banyak publisiti berkenaan dengan tindakan yang telah diambil oleh mereka. Peruntukan ini memang pun ada kepada Suruhanjaya dan tidaklah perlu dibuat apa-apa peruntukan lain lagi.

Berkenaan dengan keutamaan Bahasa Inggeris dalam Undang-undang ini, ini ialah dengan kerana takrif beberapa perkataan yang digunakan dalam Bahasa Kebangsaan masih belum dapat ditentukan dengan tepatnya dan adalah penting dalam Undang-undang perkataan-perkataan yang digunakan itu tepat takrifnya dan tidak menimbulkan keraguan apabila kita melaksanakannya. Saya yakin apabila kita dapat menentukan perkataan-perkataan dalam Bahasa Kebangsaan dengan cara yang tepat, maka Undang-undang yang kita gunakan akan dibuat dalam Bahasa Kebangsaan. Tidak ada niat bagi pihak Kerajaan untuk membelakangkan Bahasa Kebangsaan dalam penggubalan Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah telah berkata bahawa Dewan Negara ini nampaknya sebagai "rubber stamp". Sebenarnya kalau dikaji betul-betul di zaman yang moden, ini kebanyakan negara-negara telahpun memansuhkan Dewan yang kedua dan menggunakan cuma sistem satu Dewan sahaja, iaitu unicameral legislature. Adanya Dewan Negara ini merupakan satu throw-back kepada zaman feudal dahulu tetapi di-negara kita ini kita masih menghargai peranan

setelah terjadinya peristiwa 13hb Mei, Kerajaan telah mengisytiharkan darurat dan mengambil alih kuasa daripada Parlimen. Sebenarnya jika Kerajaan itu tidak jujur, Kerajaan dapat meneruskan pentadbiran secara darurat sehinggalah kepada hari ini tanpa memanggil balik Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetapi seperti kita tahu setelah cuma dua tahun sahaja Kerajaan memerintah negara kita ini cara pemerintahan darurat ataupun MAGERAN, Kerajaan telah pulang semula kepada pemerintahan berparlimen dan pada tahun 1974 iaitu cuma lima tahun sahaja setelah berlakunya peristiwa 13hb Mei, Kerajaan telah sekali lagi mendedah dirinya kepada pemilihanraya yang mana di dalam pemilihanrayanya itu jika pihak rakyat berpendapat bahawa Kerajaan ini tidak jujur maka rakyat bolehlah menjatuhkan Kerajaan itu tetapi sepertimana yang kita tahu rakyat telah memberi kepercayaan sekali lagi kepada Kerajaan ini. Rekod Kerajaan ini saya fikir tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak. Kita tahu bahawa kebanyakan negara yang mana merasai Kerajaan secara darurat kadangkala Kerajaan yang dikuasai oleh pihak military umpamanya jarang sekali mereka akan pulang kepada sistem-sistem demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kekhuatiran Ahli Yang Berhormat itu tidaklah mempunyai asas dan saya yakin bahawa selagi Kerajaan ini memerintah kita tidak akan menyalahgunakan kuasa-kuasa setelah pindaan dibuat kepada Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap di dalam perbahasan ini dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat meluluskan undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak

akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang tertera di dalam atur cara Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguh hari ini hingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang tertera di dalam atur cara Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbangkan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua dan bagi maksud ini, Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal 3 dalam Perkara 159 Perlembagaan.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

*(Loceng dibunyikan).*

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah:

Yang bersetuju .. .. .	57
Yang tidak bersetuju .. .. .	Tiada
Yang tidak mengundi .. .. .	Tiada

## YANG BERSETUJU

Dato' Haji Mohamed bin Nasir  
Tuan Law Hieng Ding

Dewan Negara. Walaupun Dewan Negara nampaknya seolah-olah menyokong semamamata apa yang diperbuat oleh Kerajaan, ini tidak bermakna bahawa pendapat-pendapat yang disuarakan di dalam Dewan ini tidak diambil berat oleh Kerajaan. Memang pihak Kerajaan memberi perhatian kepada pendapat-pendapat yang disuarakan oleh Dewan Negara walaupun Kerajaan memang menghargai sokongan yang selalunya diberi oleh Dewan Negara kepada tindakan-tindakan Kerajaan. Tidakkah benar jika dikatakan Dewan Negara ini adalah rubber stamp sahaja, mungkin Ahli Yang Berhormat itu membuat kenyataan seperti itu kerana dianya merupakan rubber stamp kepada partinya sendiri (*Ketawa*).

Soal Kerajaan tidak patut ambil tanah rezab Melayu sama sekali telah ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah. Kita seboleh-bolehnya tidak mahu mengambil tanah rezab Melayu tetapi kadangkala terdapat tanah rezab Melayu di tempat yang kita hendak membina jalan umpamanya atau membina bangunan-bangunan yang penting dan dalam keadaan ini kita tidak dapat mengelak daripada mengambil tanah rezab Melayu. Sebab itulah kita membuat peruntukan supaya tiap-tiap pengambilan ini akan digantikan dan penggantinya tentulah dibuat dengan secara yang tidak merugikan orang-orang Melayu.

Yang Berhormat Senator Alexander Lee berpendapat bahawa kuasa yang telah diberi kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat sepatutnya dihadkan supaya perkara ini dibincang di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara setelah perisytiharan dibuat. Kalau kita membincangkan semula di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara maka tidak ada gunalah kita mengadakan perisytiharan darurat ini oleh Yang di-Pertuan Agong. Tujuan kita ialah supaya kita mengelakkan daripada membahaskan perkara ini di dalam Dewan apabila bahasan yang semacam ini tidak mendatangkan faedah. Kerapkali apabila darurat diisytiharkan, perisytiharan itu dibuat atas asas-asas maklumat yang tidak dapat dikemukakan kepada orang ramai. Kerajaan sebagai sebuah badan yang

berkuasa memang mempunyai punca-punca maklumat yang tersembunyi.

Kita kadang-kadang tahu lebih awal lagi daripada rakyat tentang satu-satu rusuhan yang mungkin berlaku tetapi kalau apa yang diketahui secara rahsia ini dikemukakan di dalam Dewan maka dianya tidak menjadi rahsia lagi dan mungkin akan menimbulkan beberapa sangkaan dan perasaan sensitif di kalangan bukan sahaja rakyat tetapi mungkin juga negara-negara yang lain. Sebab itu perisytiharan darurat ini terpaksa dibuat dengan menggunakan kuasa Yang di-Pertuan Agong supaya kita tidak terpaksa mengemukakan sebab-sebab yang tersembunyi ini kepada Dewan Rakyat, juga kepada mahkamah. Kalau perkara ini boleh dibawa kepada mahkamah maka pihak Kerajaan dalam usaha untuk mempertahankan tindakan yang telah diambil olehnya tentulah terpaksa mendedahkan beberapa rahsia dan perbuatan ini mungkin akan membawa akibat yang buruk yang akan menyulitkan pentadbiran negara.

Ahli Yang Berhormat juga telah berkata setelah darurat diisytiharkan mungkin masalah yang ditakuti itu tidak akan berlaku. Sebenarnya inilah tujuan kita supaya dengan adanya darurat ini kita dapat mencegah daripada kejadian yang tidak diinginkan. Perkara ini memang menyulitkan Kerajaan kerana apabila kejadian yang buruk ini tidak berlaku Kerajaan mungkin dituduh mengisytiharkan darurat tanpa sebab. Tetapi dalam perkara ini kita tahu bahawa kita mengambil tindakan preventive. Dalam tindakan preventive tentulah kalau ianya berjaya perkara yang buruk itu tidak berlaku dan dalam perkara ini kita terpaksa memberi kepercayaan kepada kejujuran Kerajaan yang kita telah pilih. Yang menjadi pengadil yang muktamad itu dalam perkara ini ialah rakyat. Kalau rakyat berpendapat bahawa Kerajaan telah menyalahgunakan kuasanya maka rakyat di dalam sebuah negara yang merdeka seperti Malaysia ini boleh menjatuhkan Kerajaan itu dan menggantikannya dengan Kerajaan yang lain yang tidak akan menyalahgunakan kuasanya.

Rekod Kerajaan yang ada sekarang ini jelas kepada semua pihak, bahkan Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah menyebut bahawa

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid Bidin  
 Tan Sri Haji Mohd. Ghazali Haji Jawi  
 Tan Sri Dato Haji Abdul Razak Haji Husain  
 Dato' Haji Othman Haji Abdullah  
 Tan Sri Datuk (Dr) C. Sinnadurai  
 Tuan V. V. Aboo  
 Tan Sri Lee Boon Chim  
 Dato Hajah Fatimah Haji Salim  
 Tuan Wong Kei Nai  
 Datuk Choo Ching Hwa  
 Tuan Kam Woon Wah  
 Dato' Haji Khalid Haji Abdullah  
 Tuan M. Mahalingam  
 Dato' Sri Haji Hussein Mohd. Noordin  
 Dato' Haji Mustapha Haji Abdul Jabar  
 Puan Rahmah Othman  
 Tuan Haji Latip Haji Dris  
 Dato' Sulaiman Ninam Shah  
 Tuan Ting Ming Hia  
 Tuan Oh Siew Aun  
 Datin Hajah Mahimon Haji Harun  
 Dato' Haji Mahmoud Salim Mohamad  
 Tuan Ibrahim Abdullah  
 Tuan Ismail Hashim  
 Tuan Haji Nordin Pesah  
 Datuk Chua Song Lim  
 Tuan Haji Fadzil Ahmad  
 Tuan Abdul Razak Abu Samah  
 Tuan Haji Yaacob Haji Engku Yunus  
 Tuan S. I. Rajah  
 Dato' Haji Ahmad Haji Ithnin  
 Tuan Haji Ariffin Salleh  
 Tuan Ishak Abdul Rahman  
 Tuan Abdullah Salleh  
 Tuan Lee Swee Mok  
 Puan Hasanah Haji Mohd. Kassim  
 Tuan Loh Kee Peng  
 Tuan Syed Kamarulzaman Syed Bahaldin Al-jamlud  
 Dato Haji Ismail Hassan  
 Tuan Haji Abdul Hamid Tahir  
 Dr Choo Kooi Fook  
 Datuk James Willie  
 Tuan S. Subramaniam  
 Tuan Alexander Y. L. Lee  
 Tuan K. Kumaran  
 Datuk Haji Mohd. Din Jaafar  
 Tuan Daim Zainuddin  
 Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed  
 Tuan Tan Chang Soong  
 Dato' G. Pasamanickam  
 Tuan Ibrahim Salleh  
 Tuan M. Muthu Palaniappan  
 Puan Ragayah Ariff

Tan Sri Zaiton Ibrahim Ahmad  
 Tuan Lee Jong Ki.

### YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada

### YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 10* diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 11 hingga 19* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan tanpa pindaan.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan dan saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang ketiga dan bagi maksud ini Majlis ini akan mengadakan belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal 3 dalam Perkara 159 Perlembagaan. Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

*(Loceng dibunyikan).*

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah:

Yang Bersetuju . . . . . 57  
 Yang tidak bersetuju . . . . . Tiada  
 Yang tidak mengundi . . . . . Tiada

### **YANG BERSETUJU**

Dato' Haji Mohamed bin Nasir  
 Tuan Law Hieng Ding  
 Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid Bidin  
 Tan Sri Haji Mohd. Ghazali Haji Jawi  
 Tan Sri Dato Haji Abdul Razak Haji Husain  
 Dato' Haji Othman Haji Abdullah  
 Tan Sri Datuk (Dr) C. Sinnadurai  
 Tuan V. V. Aboo  
 Tan Sri Lee Boon Chim  
 Dato Hajah Fatimah Haji Salim  
 Tuan Wong Kei Nai  
 Datuk Choo Ching Hwa  
 Tuan Kam Woon Wah  
 Dato' Haji Khalid Haji Abdullah  
 Tuan M. Mahalingam  
 Dato' Sri Haji Hussein Mohd. Noordin  
 Dato' Haji Mustapha Haji Abdul Jabar  
 Puan Rahmah Othman  
 Tuan Haji Latip Haji Dris  
 Dato' Sulaiman Ninam Shah  
 Tuan Ting Ming Hia  
 Tuan Oh Siew Aun  
 Datin Hajjah Mahimon Haji Harun  
 Dato' Haji Mahmoud Salim Mohamad  
 Tuan Ibrahim Abdullah  
 Tuan Ismail Hashim  
 Tuan Haji Nordin Pesah  
 Datuk Chua Song Lim  
 Tuan Haji Fadzil Ahmad  
 Tuan Abdul Razak Abu Samah  
 Tuan Haji Yaacob Haji Engku Yunus

Tuan S. I. Rajah  
 Dato' Haji Ahmad Haji Ithnin  
 Tuan Haji Ariffin Salleh  
 Tuan Ishak Abdul Rahman  
 Tuan Abdullah Salleh  
 Tuan Lee Swee Mok  
 Puan Hasanah Haji Mohd. Kassim  
 Tuan Loh Kee Peng  
 Tuan Syed Kamarulzaman Syed Bahaldin Al-jamlud  
 Dato Haji Ismail Hassan  
 Tuan Haji Abdul Hamid Tahir  
 Dr Choo Kooi Fook  
 Datuk James Willie  
 Tuan S. Subramaniam  
 Tuan Alexander Y. L. Lee  
 Tuan K. Kumaran  
 Datuk Haji Mohd. Din Jaafar  
 Tuan Daim Zainuddin  
 Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed  
 Tuan Tan Chang Soong  
 Dato' G. Pasamanickam  
 Tuan Ibrahim Salleh  
 Tuan M. Muthu Palaniappan  
 Puan Ragayah Ariff  
 Tan Sri Zaiton Ibrahim Ahmad  
 Tuan Lee Jong Ki.

### **YANG TIDAK BERSETUJU**

Tiada

### **YANG TIDAK MENGUNDI**

Tiada

Rang Undang-undang dilaporkan tanpa pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, Khamis, 23hb April, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.*